



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN HAJAH ROSNAWATI BINTI OTHMAN  
TOKOH SAYYIDATINA AL-KHANSA' AMRU (KESENIAN)**

**OLEH:**

**AINUN NAJWA BINTI IZANI      2021627994**

**NOR SAJARATUL A'FIFI BINTI ABDULLAH 2021653184**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OCT 2023 – FEB 2024)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN ROSNAWATI BINTI OTHMAN  
TOKOH SAYYIDATINA AL-KHANSA'AMRU (KESENIAN)

OLEH:

AINUN NAJWA BINTI IZANI      2021627994

NOR SAJARATUL A'FIFI BINTI ABDULLAH 2021653184

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OCT 2023 – FEB 2024)

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke atas hadirat ilahi dengan limpahan kurnia-Nya, dapat kami menyiapkan tugas sejarah lisan ini. Pertama sekali kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah kami yang dihormati, Puan Nurulannisa Binti Abdullah atas tunjuk ajar serta bimbingan daripada beliau untuk kami menjayakan tugas ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penemu bual kami iaitu Puan Rosnawati Binti Othman, Pengarah Akademi Nik Rashiddin kerana sudi meluangkan masa serta berkongsi kisah-kisah yang berkaitan dengan tugas .

Di samping itu tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan sekelas kami yang banyak memberi dorongan serta sokongan kepada kami untuk menjayakan projek sejarah lisan ini.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek sejarah lisan ini. Terima kasih.

## ABBREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
ANR	Akademi Nik Rashiddin
JB	Johor Bahru
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KL	Kuala Lumpur
KOKO	Kokurikulum
KRC	Kandis Resource Center
LCE	Lower Certificate Education
MCE	Malaysia Certificate Education
NGO	Non-Governmental Organization
PC	Pengkalan Chepa
PJJ	Percintaan Jarak Jauh
PUKB	Persatuan Usahawan Komuniti Bachok
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TOK	Temasya Orang Kampung
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UK	United Kingdom
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

## RUJUKAN KATA

Bekwoh	Kenduri
Bendang	Sawah Padi
Gapo	Apa
Gere	Pangkin
Gini	Begini
Gitu	Begitu
Meme	Memang
Reti	Pandai
Rombak	Roboh/pecahkan
Sokmo	Selalu

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Kajian ini merupakan temubual bersama Puan Rosnawati binti Othman iaitu seorang Tokoh Al Khansa Amru (kesenian) untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Pengarah di Akademi Nik Rashiddin, Bachok. Temubual ini telah dijalankan di Akademi Nik Rashiddin, Bachok. Tarikh temubual tersebut adalah 6 Disember 2023 bermula pada jam 11.00 pagi hingga 3.00 petang. Rosnawati Binti Othman adalah bekas pensyarah di beberapa buah universiti iaitu UTM, UiTM dan UMK. Rosnawati Binti Othman mula bertugas sebagai pensyarah di UTM Skudai dari 1985 hingga 1993 dan kemudiannya sebagai pensyarah sambilan di UiTM Machang, 1998-2003 dan UMK Bachok, 2008-2011. Meneruskan legasi almarhum suami tercinta, Nik Rashiddin, beliau kini menjadi Pengarah di Akademi Nik Rashiddin, Bachok bermula tahun 2022. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Puan Rosnawati Binti Othman semasa berkhidmat di Akademi Nik Rashiddin. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

**Kata kunci:** *Rosnawati binti Othman, Al khansa Amru, pengarah, Akademi Nik Rashiddin, kesenian, pensyarah, inspirasi*



# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN .....	i
ABBREVIASI.....	iii
RUJUKAN KATA .....	iv
ABSTRAK .....	v
ISI KANDUNGAN.....	vii
BIODATA TOKOH.....	ix
BIODATA PENEMUBUAL .....	xii
Pengenalan.....	xiv
TRANSKRIP	
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH .....	1
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN .....	8
BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA .....	17
BAHAGIAN 4: KERJAYA SENI .....	37
BAHAGIAN 5: SUMBANGAN.....	56
BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN .....	58
BAHAGIAN 7: HARAPAN.....	60
RUJUKAN .....	68
LAMPIRAN	
LOG WAWANCARA .....	70
DIARI KAJIAN .....	76
SENARAI SOALAN .....	79
SURAT PERJANJIAN .....	87
GAMBAR .....	88
SIJIL PENGHARGAAN .....	92
INDEKS .....	95

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



<b>NAMA</b>	ROSNAWATI BINTI OTHMAN
<b>NAMA GELARAN</b>	CIK WATI
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	
<b>ALAMAT</b>	
<b>NO TELEFON</b>	
<b>PEKERJAAN</b>	PENGARAH AKADEMI NIK RASHIDDIN
<b>BIDANG</b>	SENI BINA

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## BIODATA PENEMUBUAL



<b>NAMA</b>	AINUN NAJWA BINTI IZANI
<b>TARIKH LAHIR</b>	1
<b>TEMPAT LAHIR</b>	KELANTAN
<b>ALAMAT</b>	KELANTAN.
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>EMEL</b>	SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) ——— PENGURUSAN ——— SISTEM
<b>PROGRAM</b>	MAKLUMAT (IM245)



<b>NAMA</b>	NOR SAJARATUL A'FIFI BINTI ABDULLAH
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	KEDAH DARUL
<b>ALAMAT</b>	
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>EMEL</b>	
<b>KURSUS</b>	SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)

# PENGENALAN



## PENGENALAN

Penyelidikan ini dilaksanakan dengan tujuan menerokai, mengidentifikasi, dan menyelidiki seorang tokoh tempatan yang berasal dari Semenanjung Barat, Malaysia. Fokus utama kajian adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai tokoh tersebut, dengan memberikan penekanan kepada nilai-nilai ketokohan yang membuatnya menjadi model rujukan dalam konteks jasa-jasanya atau sejarah kehidupannya.

Semenanjung Barat, Malaysia, dikenali dengan kekayaan warisan sejarah dan kebudayaan yang pelbagai. Penelitian ini dianggap sebagai usaha untuk menghargai kontribusi tokoh terpilih, sambil menggali lebih dalam aspek-aspek ketokohan yang mungkin belum diketahui secara meluas.

Objektif utama kajian ini termasuk mencari dan mengenalpasti tokoh tempatan, menilai nilai-nilai ketokohan yang dimiliki olehnya, dan memahami aspek sejarah serta kehidupan tokoh tersebut. Dalam metodologi kajian, temu bual secara langsung dengan tokoh tempatan dijadikan kaedah utama untuk mengumpulkan data, dengan sesi temu bual dijadwalkan di Akademi Nik Rashiddin, Bachok, Kelantan pada 6 Disember 2023.

Harapannya, hasil kajian ini dapat memberikan wawasan yang lebih mendalam tentang tokoh tempatan dari Semenanjung Barat, Malaysia, dan memberikan kontribusi kepada penghargaan terhadap nilai-nilai ketokohan dalam masyarakat setempat. Selain itu, kajian ini juga dapat menjadi sumber rujukan yang berharga bagi generasi mendatang untuk mengikuti teladan dan menghargai sejarah serta jasa-jasa tokoh terpilih ini.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang senibina. Bersama-sama kami ialah Puan Rosnawati Binti Othman yang merupakan Pengarah di Akademi Nik Rashiddin, Bachok bermula pada tahun 2022. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 6 Disember 2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10 pagi bertempat di Akademi Nik Rashiddin, Bachok. Temubual ini dikendalikan oleh Ainun Najwa Binti Izani dan Nor Sajaratul A'fifi Binti Abdullah. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

PRO: Puan Rosnawati Othman

AN: Ainun Najwa

NSA: Nor Sajaratul A'fifi

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**AN : Assalamualaikum dan selamat pagi, puan.**

**PRO : Waalaikumussalam.**

**AN : Bolehkah saya tahu nama penuh puan dan apakah pula nama gelaran bagi puan?**

PRO : Okay (*baiklah*), assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Pertama kali saya nak ucap terima kasih datang - - untuk temubual saya untuk - - program ataupun tugas awak di fakulti. Jadi nama penuh saya Rosnawati Binti Othman, Hajah Rosnawati Binti Othman. Selalunya saya lebih selesa kalau - - mereka - - kalau orang kampung dia panggil saya Cik Wati. Kalau saya bahasa diri saya, saya panggil kak Wati untuk kalau kita ada - - perbincangan ke apa-apa. Lepastu - - umur saya pada tahun ini, saya lahir pada tahun *sembilan belas enam puluh* [1960]. Jadi tahun ini *dua ribu dua puluh tiga* [2023] tu, cukup enam puluh tiga tahun [63] umur saya dan saya dilahirkan pada dua belas [12] hari bulan *sembilan belas enam puluh* [1960]. Okay (*baiklah*), lepastu - - saya ni sebenarnya lahir di Bangi - - Bangi, Selangor, dibesarkan sebenarnya banyak di - - awal-awal tu - - banyak tempat juga sebab arwah ayah bertugas di \_ tempat , tapi kebanyakan masa lebih di - - Selangor iaitu dekat Gombak, sebab sekolah rendah saya bermula situ. Dan - - saya - - di Gombak - - sampai - - ketika peringkat sekolah rendah, tapi bila sekolah menengah saya pindah ke *Seremban* [Negeri Sembilan] - - lepastu bila bekerja tu pergi pula ke Johor, sambung belajar tu luar negeri, untuk pergi ke Johor dan mendirikan rumah tangga tu insyaAllah dalam tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990].

AN : **Boleh puan ceritakan sedikit tentang keluarga puan?**

PRO : Okay (*baiklah*), kita - - saya sendiri ada - - empat orang anak. Lepas mendirikan rumah tangga tu dengan arwah Nik Rashiddin ni, yang mana akademi ni nama dia

Nik Rashiddin, kita sempat bersama selama dua belas tahun je. Maknanya tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990], *dua ribu dua* [2002] tu, dia dah tak ada, disebabkan sakit dia dan - - tidak panjang kita punya - - rumahtangga kita sebab - - sebabkan oleh perceraian disebabkan kematian kan. Tapi kita sempat ada empat orang anak. Anak yang - - sulung tu sekarang ni umur dah *tiga puluh* [30] tahun, dia lelaki, nama dia Nik Ismail. Yang kedua perempuan, nama dia Nik Aisyah. Ismail tu bidang dia - - kepakaran dia, menjahit sebenarnya, tukang jahit - - tukang jahit. Anak yang perempuan nombor dua *tu* [itu] nama Aisyah *tu* [itu] dia doktor gigi. Lepastu yang nombor tiga, bidang dia seni - - tapi, sebab dia dah berumah tangga tak meneruskan lagi kerjaya dia buat sementara ini, ditangguhkan (ketawa) - - dan ada seorang anak. Saya ada seorang cucu, tapi duduk di Johor, dan yang kecil sekali tu, nama dia Nik Fatimah - - di *Universiti Teknologi Mara* [UiTM] Shah Alam, dia ambil bidang undang-undang. Jadi, itu keempat-empat orang. Jadi kalau kata dekat sini *ni* [ini], kita - - tiga beranak sahaja yang sebenarnya duduk sini. Seorang dekat Johor, seorang tu tengah belajar kan dekat Shah Alam, nanti cuti-cuti dia balik di Shah Alam. Yang itu, lebih kurang latar belakang anak-anak saya, dan kebanyakan *diorang* [mereka] sebenarnya - - minat seni itu sebab kita memang dua-dua suami isteri memang bidang seni, macam saya senibina, arwah suami dia - -.seni ukir. Tapi seni juga kan. Jadi kalau dalam anak-anak ni walaupun tak ada nampak pun tak ada tukang ukir, tak ada tukang ini kan - - artis ke kan - - tapi rasanya darah tu ada mengalir sebab nya walaupun dia bidang yang lain, tapi dia buat kerja berseni itu saya rasa itu penting sebenarnya, tak perlu macam kita kata anak tu mesti bidang sama dengan kita ke ataupun yang *related* [berkaitan],

tapi dia boleh menghargai benda seni, dia *reti* [pandai] nak menghargai benda seni dan buat kerja berseni, kerja berseni, cakap kena berseni, pembawakan semua tu ada seni macam itu. \_ kita katakan, yang penting yang itulah. Dan menghargai apa yang - - ditinggalkan oleh ayah dia, warisan ayah dia kan sebab yang itu legasi ayah dia itu penting sebab, *diorang* [mereka] ni pewaris. Kadang-kadang bukan dia yang betul-betul buat seni tapi pewaris kita yang mana anak-anak cucu nanti dia akan mewarisi itu in syaa Allah, cuma kalau dia menghargai, maknanya benda yang ada tu kita harap dia tak jual ke - - kan. Dia *let go* [lepaskan] senang-senang mudah-mudah kan kita kata kan - - untuk anak-anak kan sebab - - bila kita buat apa-apa tindakan memang kita halusi benda. Kita tak macam “ooo *okay* (baiklah) asalkan siap” - - yang itu umumnya daripada segi *family* [keluarga], jadi *diorang* [mereka] dibesar - - kalau masa *arwah* [suami] tiada, waktu itu anak saya yang sulung itu darjah (sambil mengira) *dua ribu dua* [2002], darjah empat ke tiga. Jadi membesar memang mencabar sebenarnya sebab saya orang *luar* [berasal daripada luar negeri Kelantan], datang ke *Bachok* [Kelantan] ni dulu *Kota Bharu* [Kelantan], jadi memang tak ada saudara mara belah saya dekat sini cuma saudara belah - - keluarga arwah suami yang banyak menyokong sebenarnya walaupun kita jauh, *diorang* [keluarga belah suami] ramai ke *Kota Bharu* [Kelantan], walaupun jauh tapi saya rasa kita masih ada sebuah hubung kait - - - saya bila-bila saya boleh balik *KL* [Kuala Lumpur] kalau kira, tapi saya rasa - - saya dah serasi, dah sesuai dah dekat sini dah dua belas tahun dah dekat sini. Jadi saya rasa persekitaran, jiran, cara gaya hidup semua kita selesa, jadi tak perlu balik kampung pula (senyum) lebih kurang *gitu* [macam itu]. Hobi dengan pembakar

semangat *okay* (baiklah), sebenarnya saya berminat pada banyak cabang seni sebenarnya. Jadi mungkin daripada awal itu mungkin kita nampak saya suka *art and craft* [seni dan kraf], benda-benda seni dan kraf, zaman sekolah lagi saya minat *tu* [seni dan kraf]. Lepastu kalau kita bahagi cabang-cabang *tu* selain daripada seni dan kraf *tu*, saya minat juga benda-benda yang berkaitan dengan alam sekitar macam landskap, macam *interior design* [reka bentuk dalaman]. Maknanya macam-macam cabang, daripada kita kata kalau yang biasa-biasa *tu start* [mula] daripada anyaman ke batik, tekstil songket, labu ke kan sampai kepada ukiran kayu, *tu* kemudian-kemudian bila berkenalan dengan *arwah* [suami] ni, dan - - hobi ni masa kecil *tu* kalau saya fikir dia macam mempengaruhi saya sebab saya suka kumpul benda-benda, kalau kita pergi jalan-jalan pergi tepi laut, \_ . Masa dulu, kita tak ada sosial media ni kan, atau internet, ataupun *internet access* [akses internet] ni kalau kita nak buat *design* [reka bentuk] ke apa-apa, kita kena *collect* [kumpul], misalnya dekat tin susu, tin sardin, apa-apa tin kan dia ada *design* [reka bentuk], ada grafik semua *tu* kan, *packaging* [pembungkusan] *tu* saya suka *compile* [menyusun] buat *scrapbook* [buku skrap]. Lepastu kalau benda-benda alami macam saya jumpa - - bijih-bijih, bijih saga ke - - bijih apa-apa ke rasa tahan lama, besar kecik ke, buah-buah yang boleh kering *tu* saya akan kumpul sebab memang banyak sangat benda sebab ia sangat menginspirasi saya sebab lepastu saya buat kraf daripada benda-benda *tu*, yang saya kutip daripada alami kan. Maknanya daripada situ, saya - - saya rasa saya terpengaruh untuk mengambil bidang senibina. Tapi senibina sebenarnya kuat sains dan teknik, sains teknik *tu* dengan seni, dia *combine* [gabung] sebenarnya. Jadi kena kuat-kuat la dua-dua *tu*

kena *balance* [seimbang] maknanya teknologi dengan seni, itu senibina. Jadi itu hobi saya - - kecil, dan bila dah meningkat dewasa tu dan sekarang tu, dia terkait juga macam tu bila saya menceburi kerjaya sekarang ni kita mampu, kita akan beli benda-benda yang kita kata boleh buat hiasan dalaman, kan orang pakai - - apa panggil tikar, karpet ke apa, tak, saya suka yang benda tradisional, maknanya yang alami, maknanya tikar, tikar yang macam nak pupus tu macam tikar kerucut, itu yang orang tak tahu kan atau tikar mengkuang, orang tak pakai dah tikar mengkuang sebenarnya kan. Tapi kita macam, kita *collect* [kumpul] tapi kita tak *collect* [kumpul] asal banyak *collect* [kumpul] itu, kita nak kumpulkan tapi kita boleh - - gayakan dia menggunakan - - dalam pada masa sama kita ada maklumat. Bukan kata asal duit ada, asal cantik je *collect - collect* [kumpul-kumpul] lepas tu simpan dalam stor kan, tak la, kita boleh kena guna maknanya kena gunakan, tukar - tukar ke lepas *tu* [itu] kita ada maklumat, sebab itu kita - - - saya sebenarnya suka galakkan orang, kalau kita minat apa *okay* (baiklah), *collect* [kumpul] betul - betul. Kalau betul - betul serius kan. Lepastu, pembakar semangat saya, pasti nya sebab saya dah berkahwin kan, mempunyai anak, itu dua orang itu, dua pihak tu yang besar sekali, selain sebelum ini mak ayah saya - - untuk kita nak membesar, hidup dalam dunia ni kita kata, mak ayah tapi kemudian tu adalah suami, sebab suami ni dia seorang pengukir. Pengukir yang biasa - biasa ni sampai kepakaran dia - - keris, dan keris tu keris tajong yang menjadi lambang kerajaan Malaysia. Jadi, memang banyak sangat saya belajar, ilmu pewarisan ni dengan benda senibina tambah pula lagi, adalah selepas dengan *arwah* [suami], ada banyak benda saya tak tahu sebenarnya, saya tahu bidang saya kan, senibina. Tapi bila



dengan *arwah* [suami] ni banyak saya belajar terutama kita penting sejarah tu. Jadi daripada sejarah asal usul lagi kita kena tahu. Macam dulu saya macam tak kisah sangat kan tapi bila dengan *arwah* [suami] ni, itu yang saya belajar, yang pada dia penting sebab sejarah akan - - berulang kalau kita tak menjaga benda tu ataupun kita tak betul - betul faham kan, kita tak tahu. Jadi, rugi kita kata kan. Jadi, jangan kita tak tahu sejarah dan kita ulang kelemahan yang lepas - lepas kan. Itu penting sejarah. Saya sebenarnya bila dah berkahwin, saya tak bekerja - - macam ni, saya dah kahwin saya pindah sini, lepas saya dah lepas saya punya kontrak dengan pihak universiti di Johor, *Universiti Teknologi Malaysia* [UTM] - - bidang saya ni tak ada dekat sini, Pantai Timur ni tak ada. Ada Pantai Timur tapi dekat Pahang bidang senibina. Jadi, saya tak boleh mengajar bidang itu. Jadi saya lima tahun memang saya duduk jadi surirumah dengan sepenuh masa. Jadi, dekat situ saya sebenarnya fasa saya belajar benda-benda warisan dengan *arwah* [suami], dengan *connection* [sambungan] dia lah dengan *networking* [rangkaian] dia, dan - - saya memang hari - hari macam - - - selain daripada mengasuh anak kan, jaga keluarga, ada je benda saya rasa saya kena buat (ketawa), yang kena buat, yang kena simpan warisan ini kita kata ilmu warisan ini kan. Jadi yang itu menyebabkan penambahan ilmu kepada saya bahagian warisan yang berkaitan, terutama sekali senibina yang berkaitan senibina kayu, seni ukir kayu dan benda-benda yang lain, dan anak-anak pastinya sebab apa-apa ilmu yang kita tahu bersama, kita sampaikan dengan anak sebaik mungkin. Jadi, memang dorongan masa proses membesarkan anak tu adalah semua sebab anak, bukan sebab kita

kan, kita nak dia [anak-anak] membesar dengan cukup nya ilmu pengetahuan dengan cukup nya kita kata ilmu agama dan sebagainya kan.

## TAMAT BAHAGIAN 1

### BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

**AN : Baiklah puan, kita beralih pula kepada soalan seterusnya, mengenai latar belakang pendidikan puan. Pada tahun berapa puan memulakan pengajian awal peringkat sekolah rendah dan dekat mana tempat pengajian tersebut?**

**PRO :** *Okay* (baiklah) jadi, macam saya kata tadi saya lahir di Bangi tapi saya banyak dibesarkan di - - - Gombak sebenarnya. Saya bermula di sekolah - - saya pun dah tak ingat dah nama dia sebab nama masa tu bukan sekolah macam sekarang macam Sekolah Kebangsaan Gombak macam itu kan. Dia Sekolah Rendah Kebangsaan - - entah dia ada Inggeris macam tu tapi maknanya sekolah waktu di Gombak tu, Sekolah aliran Inggeris sebenarnya. Dia mungkin ada kebangsaan dia, dan aliran Inggeris - - masa zaman itu zaman *enam puluhan* [60an] itu saya masuk tahun *sembilan belas enam puluh tujuh* [1967] darjah satu, dekat sekolah rendah itu, pastu - - sampai darjah enam dekat situ. Lepas tu di sekolah menengah, saya - - masa dulu kita nak pergi sekolah menengah ni kita ada peperiksaan nak masuk tingkatan satu tu. Jadi saya berjaya masuk sekolah asrama. Masa tu memang sangat *rare* [jarang] asrama ni. Saya dapat masuk Kolej Tunku Kursiah,

*Seremban* [Negeri Sembilan]. Jadi - - - di *Seremban* [Negeri Sembilan] saya - - jadi *Seremban* [Negeri Sembilan] tu daripada tingkatan satu sampai tingkatan lima, sempat *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] tapi tak ada *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] waktu tu, saya *MCE* [Malaysia Certificate Education], kita aliran Inggeris lagi kan, tahun (sambil mengira bilangan tahun) 1977. *Okay* (baiklah) - - lepas tu, di Sekolah Menengah tu sebenarnya pun satu fasa dari hidup saya , sekolah rendah tu macam tak berapa ingat sangat tapi - - yang saya ingat tu macam tu saya suka bidang seni kan. *So* [jadi], macam *Sports Day* [Hari Sukan] tu, saya masuk dalam kumpulan yang buat persembahan tarian dekat sekolah yang itu yang saya ingat. Sukan tu saya biasa - biasa je boleh berlari tapi, tak hebat kan kita kata kan tapi bidang seni tu saya suka. Pastu, di kelas ke saya kata apa benda yang cikgu suruh buat yang benda seni tu kan memang buat bersungguh sungguh yang boleh terbaik macam tu. Di sekolah menengah pun macam tu , saya suka sangat bidang seni ini. Saya suka *art room* [bilik seni] tu. *Art room* [bilik seni] tu macam menginspirasi sangat. Kita bebas nak buat apa benda kita nak berkarya kan. Jadi itu sekolah menengah, dan dekat sekolah menengah tu kan masuk aktiviti - aktiviti yang pasal seni yang drama ke, perarakan, sukan ke, benda - benda seni ini memang masuk , cuba juga masuk kan. Lepastu kalau kita tengok, koko memang kita seni lepas tu peringkat tu kita ada *L-C-E* [Lower Certificate of Education], *M-C-E* [Malaysia Certificate of Education]. Tingkatan tiga *L-C-E*, tingkatan lima *M-C-E*. Jadi masa *L-C-E* [Lower Certificate of Education] tu kita ada satu - satu subjek ada seni. Hantar memang - - keputusan tu satu hal memang okay kan, kita kata baik. Jadi hantar untuk pertandingan

peringkat negeri , menang juga macam itu adalah kategori satu, kategori dua macam itu . Dalam akademik, subjek tu memang *excellent* [cemerlang] selalu kalau seni tu. Yang lain tu macam - macam la campur - campur kan (ketawa) sebab kita fokus dekat *situ* [subjek seni]. Masa sekolah saya suka batik, fokus lebih kepada batik. Lepas tu yang sebelum tu ada sulaman menjahit - jahit ni. Jadi bermacam - macam jenis jahitan. Lepastu, lepas *MCE* [Malaysia Certificate of Education] tu masa tingkatan lima saya mohon dapat masuk *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] minta seni betul, seni and *art* [seni] kan tapi saya dapat masuk senibina dekat *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia], Semarak dekat *KL* [Kuala Lumpur] tu. Dekat situ saya belajar sampai tahun tiga, diploma. Saya diploma situ. Lepas diploma, saya mohon, kita panggil apa - - biasiswa - - pensyarah muda ke apa benda tak ingat dah nama dia punya - - biasiswa tu saya *join* [menyertai] *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] sebagai pensyarah muda dan saya pergi belajar luar negeri. Saya belajar di Australia - - Australia tu di bawah New South Ville, universiti dia *University of Newcastle* [Australia]. Jadi di - - sana selama dua tahun. Saya tak pergi *United Kingdom* [UK], tak pergi Amerika sebab saya tak suka cuaca - - sana sejuk, saya tak suka sejuk. Saya macam sejuk tu mati akal, saya tak boleh (ketawa). Saya okay panas lagi daripada sejuk kan. *So* [jadi], pergi Australia sebab dia punya cuaca tu tak pergi yang Australia yang bawah tu lagi - - tengah sikit , dia *moderate* [sederhana] dia punya cuaca. Adalah sejuk dia adalah kalau nak tengok gunung , nak turun salji kena pergi gunung kan, ada tapi saya suka yang macam tu. Jadi, disebabkan tu saya dapat masuk terus daripada tahun tiga pergi tahun empat. Jadi saya belajar dua tahun sambil - sambil dapat ijazah

lepastu saya balik. Jadi saya balik tu - - masuk mengajar kira . So [jadi] balik mengajar, dan kebetulan pulak masa tu *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] nak pindah *Skudai* [Johor]. So [jadi] saya ni antara pensyarah - pensyarah yang mula - mula pindah *Skudai* [Johor]. Kalau mula - mula tu mencabar sangat - sangat nya. Pertama sekali, duduk dalam ladang kelapa sawit, banyak benda lagi tak siap kan. Rumah pun dekat kawasan tu macam hulu juga kita kata sebab bukan dekat *JB* [Johor Bahru] macam tu kan. Mencabar sekali hari nak pergi kerja, tanah jalan tak ada, (ketawa) jalan *Tanah Merah* [Kelantan] tu, jadi bila musim hujan hari - hari basuh kereta macam nak menangis (ketawa) macam itu kita kata yang mencabar sekali dekat universiti masa balik dalam tahun *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983]. Jadi saya dari *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] sampai *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993] kira tamat tempoh saya kontrak, sebab saya biasiswa kan, kena kontrak dengan *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia]. Jadi sebab itu bila saya dah kahwin tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990], tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993] itu saya boleh anak saya yang sulung ni saya tamat habis, jadi saya tak payah bayar. Semua orang kalau kita nak *quit* [berhenti] kan, nak keluar daripada tu kena bayar, macam saya tak kena bayar sebab saya habis kan tempoh sepuluh tahun kontrak saya, walaupun saya kahwin awal tapi tiga tahun tu, saya masih berulang - alik. Saya - - sudah kan kontrak tu kan. Itu di - - peringkat - - pengajian dekat universiti, lepas balik daripada pengajian tinggi saya dekat sana. Kalau masa dekat sana, di Australia tu - - *of course* [sudah tentu] *kitorang* [kami] budak - budak luar negara, kita suka jalan - jalan tengok negara orang kan (ketawa). Masa cuti je, ajak *geng-geng* [kawan -

kawan] pergi jalan sana jalan sini, itu antara benda yang kita ingat. Tapi paling nakal sekali saya rasa masa itu saya *geng* [berkawan] dengan budak - budak Australia tu, *diorang* [mereka] ni macam kalau dia tak suka benda dia tunjuk, kita ni macam terpengaruh juga sikit - sikit (ketawa). Itu antara benda - benda yang saya rasa yang saya ingat bila berkawan dengan budak - budak lokal. Lepastu banyak nya lawatan - lawatan yang kita pergi rata - rata untuk pendedahan kita kan di tempat orang, dan kalau kira daripada segi subjek, memang saya suka subjek *design* [reka bentuk], bila kita sekolah rendah kita panggil bidang seni kita suka kan, seni kraf. Tapi bila masuk subjek *design* [reka bentuk], saya tak suka subjek - subjek lain tu kecuali terpaksa, tapi saya suka *design* [reka bentuk]. Dalam banyak - banyak subjek, memang *design* [reka bentuk] tu subjek yang saya selalu *excellent* [cemerlang], yang subjek - subjek lain tu ada turun naik begitu. Lepastu, daripada segi - - perkembangan kreatif saya ni, selain daripada kita belajar dekat universiti - - - sebenarnya bila kita belajar senibina, sebab saya kata tadi, dia menggabung antara benda sains teknologi dengan seni. Sebenarnya kita terdedah dengan banyak benda yang berkaitan dengan seni. Jadi kat situ macam kita *involve* [terlibat] siapa yang suka seni suara, dia pergilah *improve* [tambah baik] nyanyian dia. Siapa yang suka seni persembahan, pergi dekat situ. Saya sebab itu saya tak berapa minat. Saya suka seni kraf ni yang semua main dengan tangan, dengan benda - benda alami, dekat situ macam kita banyak buat program - program yang - - yang ini waktu tu kita terlibat macam kursus dekat senibina ni masa peringkat awal ni kita tak serius sangat, kita dedahkan pelajar pada semua. Jadi kita akan bawa pelajar pergi - - tempat pendedahan ataupun mukaddimah

senibina ni pergi pantai, pergi naik bukit, pergi *explore* [meneroka] main pasir, *camping* [berkemah], macam itu *lecturer* [pensyarah] *expose* [dedahkan] kita kan. Jadi - - saya suka benda - benda yang macam tu, mencabar - mencabar tu. Lepastu nanti bila satu peringkat fasa pengajian tu, kita akan didedahkan benda macam kraf ni. Kita pergi *Cameron Highland* [Pahang] - - *okay* (baiklah), ada kumpulan buat batik, ada kumpulan buat *t-shirt*, ada kumpulan buat topeng, ada buat wayang kulit. Lepas tu kita *catwalk* [berjalan secara model], tunjuk gaya, peragakan kita punya produk ataupun kita buat persembahan. Jadi saya sangat terinspirasi pada benda tu sebab saya rasa dia - - satu menghasilkan karya kita dalam bentuk yang bukan senibina saja , kita kata benda lain, kita rasa kita mampu. Lepas tu dia bagi kita *confidence* [keyakinan] sebab kita kena peraga tak kira *you* [awak] malu ke tak malu *you* [awak] kena jalan *catwalk* dekat situ, peragakan *you* [awak] punya tu, sebab dia nk bina *confidence* [keyakinan], sebab bila *you* [awak] jadi arkitek, bidang *architecture* [senibina] ni *you* [awak] kena jadi *leader* [ketua] dalam *construction work* [kerja pembinaan], kata kan *you* [awak] nak buat bangunan, *you* [awak] ketua, bawah *you* [awak] ada tiga empat lima jenis *engineer* [jurutera]. Lepas tu ada landskap arkitek, ada *kerjayaer* [pereka dalaman], lepastu ada macam-macam *supplier* [pembekal] semua tu. Jadi *you* [awak] *leader* [ketua] kena buat *decision making* [membuat keputusan] *you* [awak] kena *confident* [yakin] salah tak salah pun *you* [awak] kena buat *decision* [keputusan]. Jadi benda tu bina *confident-level* [tahap yakin] untuk *you* [awak] - - iaitu ada benda kita kata yang mengembangkan daya kreativiti, daya sahsiah kita, *confident* [yakin] kita, lepas itu *networking* [rangkaian] kita , kita *reti*

[pandai] bekerjasama dengan orang lain, kita tahu macam mana menghadapi permasalahan, kita selesai. Maknanya, kita panggil - - *decision making* [membuat keputusan] membuat *solution* [penyelesaian] semua tu penting untuk bina - - peribadi perwatakan seorang arkitek ni . Jadi pada saya memang sangat mencabar dunia dia. Tapi walau bagaimanapun kena buat. Jadi sewaktu yang saya pilih, untuk - - dia kerjaya sebagai arkitek ni dia dua. Satu, *you* [awak] *practice* [berlatih], jadi arkitek dekat luar tu yang *you* [awak] tahu semua tu. Satu lagi tu *you* [awak] mengajar, maknanya ilmu yang ada *tu* [itu] *you* [awak] - - sampaikan. Jadi saya rasa bidang mendidik, mentarbiah masyarakat ni lebih sesuai dengan saya dan lebih sesuai dengan orang perempuan sebenarnya. *Okay* (baiklah), lepas itu - - pengukuhan karya - karya ni sebab bidang tu saya cakap belajar tu macam *interesting* [menarik] sebenarnya. Saya rasa semua orang kena belajar senibina saya rasa, sebab kita semua apa benda kita buat macam kita nak menulis, kita berseni, kita nak bercakap dengan orang kita berseni, kita nak pakai bergaya kita mesti berseni, kita nak masak kita berseni, menjahit kena berseni , semua benda kena berseni sebenarnya. Tak perlu ambil bidang senibina, tetapi bidang senibina ni dia membuka laluan - laluan yang kita tak pernah tahu. Maknanya membolehkan kita tu ada sikit - sikit *skill* [bakat] kan bila dalam bidang seni yang lain. Jadi yang itu saya rasa sangat bagus bidang ni. Jadi kalau kita tengok, antara lain - - kita kata sebab bila kita dekat pusat pengajian kalau kita dapat pensyarah yang sangat karismatik sangat *dedicated* [berdedikasi] sangat komited sangat bersungguh - sungguh segala benda ni, saya rasa budak lemah pun boleh berjaya sebenarnya sebab dia terangsang macam saya juga. Saya rasa itu saya terangsang



dengan antara beberapa pensyarah saya yang dekat sana tu, saya dengan Nik Malik Nik Zainal Abidin ni dia pensyarah - - kemudian dia jadi lans arkitek tapi sebenarnya *dia* [Nik Malik Nik Zainal Abidin] arkitek tapi dia belajar *advanced* [maju/terlebih dahulu] dia fokus landskap. Dia ajar kita A sampai Z, maksudnya belajar benda yang kita kaitan belajar bidang kita dia ajar, tapi dia ajar juga benda lain. Dia ajar *ethics* [etika], maknanya pembawakan kita dia nak ajar *ethics* [etika] bila duduk makan formal sebab kita akan *bound* [terikat] suatu masa nanti kita akan ada *formal dinner* [makan malam rasmi] dengan Menteri Besar , *consultant* [perunding] daripada luar negara, dengan Agung Raja. Jadi dia ajar benda tu *which* [yang mana] dekat kokurikulum kita tak ajar tapi dia ajar. Dia memang jenis tegas. Lepas tu ada seorang lagi mentor saya dekat universiti ni - - - nama dia *Encik Razak* [arwah] . Arwah Encik Razak, sifu kita ini dia - - orang yang sangat *humble* [merendah diri], suka sangat membantu orang tapi macam cara yang - - tak menonjol sebab *character* [sifat] dia dengan yang tadi [Nik Malik Nik Zainal Abidin] ni lain tapi kita hormat dia sebab sangat banyak ilmu. *Apa benda* [semua benda] boleh rujuk dengan dia. Apa benda masalah kita boleh cakap dengan dia masalah berkaitan akademik dengan bidang. Jadi - - berbalik kepada arwah Encik Razak ni, kita panggil *dia* [arwah] Encik Jak ni dia macam - - rujukan semua orang (senyum). *Lecturer* [pensyarah], *budak* [pelajar] rujuk kepada *dia* [arwah Encik Razak] kan sebab dia sangat *humble* [merendah diri], *ever willing* [sentiasa ada] bila - bila boleh *contact* [hubungi] dia boleh tanya dia apa - apa pun.

**AN : Jadi puan, daripada kisah mentor - mentor puan tadi kan, apa yang puan berjaya terapkan sehingga hari ini daripada kisah inspirasi mereka tadi?**

PRO : *Okay* (baiklah), macam yang pertama Encik Jak [arwah Encik Razak], tu sebenarnya semakin banyak ilmu kita dapat ni, semakin tunduk kita sepatutnya. Jadi kita tak ada semakin banyak ilmu semakin lantang suara kita. Tak. Orang akan tahu *you* [awak] banyak ilmu. *You* [awak] tak perlu pun bising-bising kan, lantang-lantang tu kan, yang itu saya nampak daripada dia [arwah Encik Razak]. Lepas tu apa-apa ilmu yang *you* [awak] belajar, banyak dah *you* [awak] rasa dapat ilmu tapi tak pernah cukup. Maksudnya lagi banyak *you* [awak] tahu, lagi banyak *you* [awak] tak tahu, *you* [awak] kenal lagi banyak. Jadi macam saya rasa dia [arwah Encik Razak] dia menggalakkan *you* [awak] - - tambah-tambah lagi, tambah ilmu lepas tu *you* [awak] kena kongsi, tak boleh simpan, kena kongsi ilmu dengan orang lain.

**AN : Boleh puan berkongsi lagi peristiwa paling manis sepanjang pengajian daripada awal sampai habis ?**

PRO : Masa belajar kan?

**AN : *Ha ah* [ya], semasa belajar.**

PRO : Macam-macam peristiwa-peristiwa manis (senyum), tapi yang saya sukanya sebenarnya bukan yang macam - - benda yang sangat teknikal yang berkaitan dengan kita belajar ni, yang *KOKO* [kokurikulum] tu saya sukanya sebab saya tak sukanya jenis duduk dekat meja berjam-jam dekat bilik berkurung macam ni. Saya

tak. Saya memang *outdoor person* [suka aktiviti luar], saya suka yang dekat luar kena panas, kena hujan, kena *selut* [lumpur] saya suka mencabar-cabar macam itu kan. Jadi macam saya cakap bidang senibina ni, kita ada momen-momen tu kita bawa *student* [pelajar] ni untuk *exposure* [dedah] supaya dia jadi lasak. Saya suka tu masa saya cakap yang kita pergi *Cameron Highland* [Pahang], pantai, tempat-tempat bersejarah, kita bawa lawatan. Yang itu memang bab saya suka sekali, melawat-lawat ni jalan-jalan kita kata zaman sekarang. Masa dulu tak ada sangat, tapi melawat-lawat tu kita suka rasa masakan yang berbeza-beza macam orang *food hunting* [memburu makanan] sekarang ni. Tapi masa dulu tu kita bawa *student* [pelajar], ataupun kita sendiri pergi *experience* [pengalaman] benda-benda tu saya suka. *Experience* [pengalaman] yang *outdoor* [aktiviti luar], sosial, budaya masyarakat tempatan nak kenal.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

**NSA : Seterusnya, mengenai kerjaya awal Puan pula. Apakah pekerjaan awal Puan selepas tamat pengajian?**

**PRO :** Masa selepas pengajian saya itu saya kira masa saya lepas belajar seni bina dekat *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] *Skudai* [Johor], diploma saya masuk

bidang kita panggil pensyarah muda. Masa itu saya ambil biasiswa untuk belajar luar negeri jadi saya belajar di University of Newcastle, Australia selama dua tahun dan balik daripada situ, saya terus mengajar dekat *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia]. Jadi saya balik tahun *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] dan saya di *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] sampai tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993], sepuluh tahun kita kontrak sebab kita punya biasiswa, jadi kita mengajar sebagai pensyarah muda dekat sana banyak bidang mengajar subjek-subjek tetapi wajib adalah *design* [reka bentuk] untuk pelajar seni bina sebab kredit dia paling tinggi, *design* [subjek Reka Bentuk]. Selepas itu, kita ada tugas-tugas lain kita panggil tugas-tugas selain mengajar dan tugas-tugas pentadbiran macam itu yang kita diperlukan tetapi sebab kita pensyarah muda tidak banyak mana kita kata kecuali menjadi ketua jabatan atau ketua bidang ke apa apa. Yang itu, permulaannya jadi tapi \_ sebelum itu macam saya sudah kata tetapi sekejap sangat sebelum masuk *U* [universiti] itu saya ada kerja dengan *JKR* [Jabatan Kerja Raya] sikit yang itu sebagai arkitek dekat *JKR* [Jabatan Kerja Raya] ini.

**NSA : Semasa Puan menjadi pensyarah apa jawatan Puan di Universiti?**

**PRO :** Saya duduk dekat *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] itu, saya kata dari tahun *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] sampai tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993], sepuluh tahun jadi kalau mahu kira daripada segi jawatan pentadbiran itu saya tidak pernah pegang jawatan ketua jabatan, ketua bidang

sebab saya rasa baru sangat bukan senior, *lecturer* [pensyarah] jadi pelbagai pentadbiran itu tidak ada tetapi kita dipertanggungjawabkan untuk menguruskan apa-apa yang pentadbiran, ada tetapi kita bukannya pentadbiran pejabat untuk fakulti atau jabatan tetapi untuk bidang-bidang kita yang kecil-kecil ini, tidak ambil apa-apa yang berkaitannya projek kita atau subjek kita atau yang *student-student* [pelajar-pelajar] kita atau benda benda yang berkaitan.

**NSA : Bolehkah Puan ceritakan sedikit mengapa Puan memilih kerjaya pensyarah ini pada mulanya?**

**PRO :** Macam-macam kita tengok sebenarnya bila industri-industri bangunan ini dia kata seni bina ini secepat bangunan dalam industri itu sangat-sangat mencabar sebab dia melibatkan kepakaran-kepakaran kita kata profesion daripada bidang-bidang lain termasuk *engineer* [jurutera] yang macam *engineer* [jurutera] adalah *engineering civil* [kejuruteraan awam], *landscape* [landskap], mekanikal, elektrik semua banyak. Selepas itu, ada *consultant* [perunding], ada landskap arkitek, *engineer designer* [pereka jurutera]. Selepas itu, dengan *supplier* [pembekal] dengan kontraktor semua yang mana kebanyakannya adalah dipelopori oleh kaum lelaki jadi kalau kita sebagai seorang perempuan sebab arkitek ini dia itu adalah dalam industri bangunan *tu* [itu] dia ketua secara tradisional sekarang *ni* [ini] kita panggil *project manager* [pengurus projek] ketua, dia banyak *decision making* [membuat keputusan] atau dia *project manager* [pengurus projek] tapi mana *project manager* [pengurus projek] boleh arkitek

tetapi dulu arkitek *in the main person* [pada orang utama] ataupun ketua dalam industri *building* [bangunan] *tu* [itu], jadi *you* [awak] kena sentiasa bertembung, berkomunikasi dan berinteraksi dengan *consultant-consultant* [perunding-perunding] ini. Yang mana sangat-sangat mencabar kalau *you* [awak] memang tidak ada komitmen lain macam kata *you* [awak] bukan *wife* [isteri] *you* [awak] bukan ada anak bukan ibu tetapi kalau *you* [awak] sebagai seorang ibu juga *you* [awak] sebagai seorang isteri *you* [awak] ada kerjaya ini memang sangat mencabar. Jadi saya itu akan datang masa tu saya pun tidak kahwin tetapi saya memilih untuk lebih kepada bidang mengajar. Ini makna *sharing* [berkongsi] ilmu yang kita ada *tu* [itu] pada masyarakat dan cara mendidik sebab saya rasa itu lebih sesuai dengan jiwa saya sebab saya tidak suka cabaran yang macam *tu* [itu] dekat luar dengan kena bertekak dengan bertegang urat dengan pihak-pihak lelaki ini, dia tahu persepsi dia dengan perempuan kan macam itu.

**NSA : Adakah terdapat individu yang memberi panduan penting dan nasihat kepada Puan dalam memilih kerjaya pensyarah ini ?**

**PRO :** Masa saya belajar itu macam kita tidak ada nampak kita ada jadi *lecturer* [pensyarah] macam orang-orang mahu jadi arkitek macam itu sentiasa tetapi lama-lama kita sudah matang ilmu kita sudah banyak dan kita sudah tengok pengalaman itu saya rasa itu antara satu dia faktor dia maknanya kita sudah nampak macam mana sukarnya kat luar *tu* [itu] bukan senang walaupun kita sudah ada ijazah kita tetapi sukarnya dekat luar itu realiti dia macam itu. Selepas itu, saya rasa nampak

tawaran yang lebih \_ masa itu, masa itu kita mahu cepat-cepat siapkan kita punya ijazah. Mahu belajar cara macam mana cepat-cepat siap ini adalah dapatkan biasiswa, pergi belajar jadi saya dapat yang mudah itu boleh saja dapat dengan *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam] masa itu tetapi saya pilih untuk yang dapat dengan universiti. Jadi macam saya terikat. Boleh saja kalau saya rasa saya tidak mahu *dah* [sudah] selepas *ni* [ini] saya mahu keluar balik boleh saja saya bayar ataupun saya masuk universiti lain atau saya masuk organisasi kerajaan lain pun boleh misalnya macam setengah kawan itu pergi dia masuk satu universiti lain bila *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] balik keluar sebab kata suami dia dekat *KL* [Kuala Lumpur] kata dia mahu Johor, jadi *nak* [mahu] itu dia masuk universiti tidak apa tidak ada masalah daripada segi kontrak tapi kalau *you* [awak] masuk keluar pergi macam *you* [awak] mahu *practice* [latihan] *you* [awak] mahu buat benda *office* [pejabat] *you* [awak] sendiri yang *tu* [itu] *you* [awak] kena bayar. Jadi saya nampak masa itu saya rasa saya punya jiwa tidak minat untuk benda-benda macam itu, jadi saya lebih suka duduk dalam universiti ini. Satu-satu yang saya nampak macam ini dekat luar itu kita kena kerja pukul *lapan* [8.00 a.m] sampai pukul *lima* [5.00 p.m]. Saya tidak suka dikongkong untuk kerja macam itu saya tidak suka. Jadi mengajar ini fleksibel la *fleksibel hours* [jam fleksibel] itu saya suka dan kita kerja sebenarnya kadang lebih daripada lapan jam satu hari tetapi kita kerja *brek* [berhenti] sini *brek* [berhenti]. Selepas itu, kita buat benda lain lepas itu *kang* [bukan] kita sambung petang kita sambung malam kita sambung *weekend* [hujung minggu] kita tetapi atas keselesaan kita dia sangat fleksibel saya suka fleksibiliti mengajar juga kalau *you* [awak] jadi cikgu \_ juga kan *you* [awak]

kena pergi kat sekolah *time* [masa] ini sampai *time* [masa] ini dulu pukul *dua* [2.00 p.m] tu sudah *okay* (baiklah) pukul *tiga* [3.00 p.m] *okay* (baiklah). Sekarang ini lagi teruk lagi saya rasakan itu, jadi saya nampak fleksibiliti itu yang macam menyebabkan saya lebih cenderung sebab saya ada banyak minat-minat lain jadi saya rasa kalau saya kerja pukul *lapan* [8.00 a.m] sampai pukul *lima* [5.00 p.m] hari-hari hujung minggu saja boleh, hujung bulan ini kita mahu *spends* [luangkan] dengan kawan-kawan ni *family* [keluarga] kita tidak boleh buat benda lain. Jadi saya rasa saya suka mahu fleksibiliti masa mengajar universiti sebagai pengajar di universiti.

**NSA : Bolehkah Puan ceritakan serba sedikit tentang pengalaman manis puan semasa mengajar di universiti?**

**PRO :** Macam di universiti *of course* [sudah tentu] dia ada dua pihak satu ia ada pentadbir kawan-kawan yang mentadbir universiti mentadbir pengajian itu, satu lagi ada you [awak] ada *student* [pelajar] itu yang *best* [bagus ] sekali you [awak] ada *student* [pelajar]. Bila you [awak] ada *student* [pelajar] dengan you [awak] ni macam you [awak] fikirlah you ni sebagai *creator* [pencipta] macam pencipta bukan pencipta itu Tuhan tetapi you nak suruh budak-budak you ni jadi apa kan kalau you mahu dia jadi macam ini you boleh bentuk dia untuk jadi *gitu* [begitu] walaupun ada kurikulum dan silabus tapi karakter perwatakan itu you boleh bina. *So* [jadi] yang paling saya suka itu adalah saya nampak budak-budak ini daripada dia datang *berdhoif* [was-was] tidak tahu apa dengan tidak ada latar belakang



macam budak-budak beza budak-budak dalam bandar dengan budak luar bandar. Bila luar bandar ni you tahu dia memang *background* [latar belakang] dia sangat terdedah sikit saja benda tetapi bila *you* [awak] bagi input-input tu you dia nak *transformation* [transformasi] itu you nampak dalam masa tiga tahun dalam masa lima tahun kalau habis kursus dia enam tahun you nampak *transformation* [transformasi]. *So* [Jadi], pada saya dia sangat memuaskan *full feeling* [perasaan penuh] yang you nampak dia apa dia berubah depan you itu maknanya you kena *drill* [gerudi] dia betul-betul, mahu suruh berubah tetapi you nampak depan mata kalau projek kata you jadi arkitek dekat luar boleh juga nampak - - - jadi saya rasa kalau pensyarah saya rasa dia kena fokus - - *student* [pelajar] sebenarnya pihak kita kata sama-sama pensyarah ataupun tadbir itu menguruskan hal-hal yang *sabit* [berkaitan] dengan pelajar. Jadi pelajar itu adalah fokus jadi macam kita pun banyak benda tumpuan lebih pada fokus kepada pelajar sebab itu kalau *lecturer* [pensyarah] itu dia diberatkan dengan tugas-tugas pentadbiran sebenarnya kita tidak suka (*ketawa kecil*) macam ada setengah pensyarah sebab dia mampu kita kata untuk bekerja pentadbiran. Selepas itu, dia kena buat *research* [penyelidikan] selepas itu, dia ada pelajar memang dia tidak suka bagi pentadbiran itu jadi macam kita pun kalau yang memori-memori yang memang yang kita ingat itu memang semua yang berkaitan dengan *student* [pelajar] lebih lagi macam saya cakap tadi kita apa kita nampak *transformation* [transformasi] pelajar itu daripada tidak tahu kepada tahu dan daripada tahu jadi lebih bijak atau lebih apa kalau seni yang lebih kreatif dan lebih berwibawa. Semua itu depan mata la *within* [dalam] dalam tempoh masa yang pendek itu. Kalau macam di luar kerjaya sebagai seorang

arkitek *okay* [baiklah]. Kami buat bangunan rumah itu mungkin boleh siap masa enam bulan ataupun dalam setahun kan boleh nampak tapak yang kosong naik bangunan naik struktur tu naik sampai siap semua boleh guna sama juga kalau *you* [awak] buat projek besar tetapi projek besar makan tahun. Benda dua tiga tahun baru siap. Jadi, dia melibatkan benda yang keras pada saya bangunan-bangunan yang duduk dalam itu orang (*ketawa kecil*) kita kata tetapi dia benda keras kalau budak-budak ini dia melibatkan manusia ini jadi dia lembut jadi atau olahan *you* [awak] kalau *you* [awak] pandai *meme* [memang] *you* akan menjadi inspirasi pada budak-budak itu ataupun kalau *you* [awak] pandai *you* [awak] boleh bentuk dia macam mana *you* [awak] mahu jadi dia akan mempengaruhi *you*, *you* [awak] akan jadi pengaruh pada dia macam kita terpengaruh dengan *lecturer* [pensyarah] kita *cam gitu* [macam itu]. Jadi pada saya memori jadi banyak memori masa zaman dulu sebab kita ada bajet dan universiti bukan macam budak sekarang-sekarang ini mana-mana *you* [awak] kena sediakan bajet maknanya bajet *you* [awak] sendiri kan dulu *you* [awak] mesti bayar *subsidies* [subsidi] *trip-trip* [lawatan-lawatan] pergi mana banyak kita selalu banyak *trip* [lawatan] seni bina pasal projek saja kena cari projek yang keluar daripada kawasan supaya *you* [awak] pergi sana ,pergi sini projek-projek luar daripada kawasan *you* [awak] jadi bawa *trip*[lawatan] *student* [pelajar] macam itu sebab *you* [awak] tidak ada komitmen keluarga dengan suami atau mak ayah, memang biasa berjalan-jalan ini. Luas pandangan sikit bila jalan-jalan ini yang saya rasa yang saya suka banyak pengalaman dan program-program yang melibatkan antara pelajar pun ada, pelajar dia datang ke tempat kita, kita pergi tempat dia yang institusi sama-sama kursus

sama-sama kita ada program-program macam itu. Setiap berapa dua tiga tahun sekali macam itu adalah paling besar.

**NSA : Selain pengalaman manis Puan itu tadi adakah terdapat sebarang cabaran semasa puan berkhidmat sebagai pensyarah?**

**PRO :** Untuk itu (*ketawa terbahak-bahak*) bukan yang sedap-sedap saja ada kan. Mencabar-mencabar itu ada sebab dengan jenis kita kata pelajar-pelajar yang degil-degil ini. Tidak tahu macam mana mahu buat. Faham? faham, tetapi tidak buat benda yang kita suruh ataupun isu-isu kita kata yang luar daripada kita punya kemampuan biasanya macam kita kata ada *student* [pelajar] yang dia sudah kahwin jadi isu kita kata sebab dia tidak boleh nak *group* [kumpulan] dengan *group* [kumpulan] lain. Dia kena *husband and wife* [suami dan isteri] macam itu. Kadang-kadang susah ataupun atas sebab dia mengandung ka dia ada anak ke, jadi dia punya *excuse* [alasan] itu lain dari orang lain punya dalam satu group punya *excuse* [alasan]. Jadi kadang-kadang *balah-balah* [gaduh-gaduh] dia orang dalam apa dalam kumpulan itu tetapi ialah benda itu tidak sepatut jadi isu besar tetapi antara kita tidak ada pengalaman ini memang benda itu susah nak hadapi. Jadi *last* [akhir] sekali, *you* [awak] *group* [kumpulan] dua orang saja macam itu sebab dia *husband* [suami] and *wife* [isteri] *architecture-architecture* [jurutera-jurutera] juga kan (*senyum manis* ). Selepas itu, macam yang lain-lain itu dia kata kebanyakannya saya rasa tidak sangat mencabar zaman itu mahu banding dengan zaman sekarang sebab satu mungkin daripada segi kekangan duit dengan masa

tidak seteruk sekarang. Saya rasa dan sekarang ini macam saya cakap dulu kalau kita tidak ada duit boleh lagi makan Maggi, mi ni sebab saya cakap tadi mahu kena beli kertas ini pun kertas ini saja macam-macam jenis kertas yang tebal, nipis yang *transparent* [telus] yang macam plastik yang untuk buat model untuk tulis untuk *presentation* [pembentangan] dia macam-macam jadi duit *you* [awak] memang mengalir ke kertas *you* [awak] kalau *you* [awak] lapar *you* [awak] makan apa kita kata makan kertas *you* [awak] macam itu kurang bijaknya tetapi realiti masa itu kita start Maggi mi ini zaman-zaman awal itu. Seawal tu Maggi mi 35 sen sahaja, sepaket itu boleh sudah kenyang sekarang ini mahal sikit cuma kita tengok sekarang ini sebab orang banyak habiskan duit dekat *you* [awak] punya top up untuk internet *you*[awak] ataupun *you* [awak] punya telefon jadi kadang sanggup berkekekang itu kita kata apa sanggup berlapar macam itu dan kesian rasa yang macam tidak mampu hendak beli benda sebab bidang seni bina ini dia punya perkakas banyak dan mahal-mahal sebab kita boleh tengok kursus lain dia kertas kajang itu sahaja. Kita tidak boleh guna kertas kajang nota tapi *you* mahu buat *presentation* [pembentangan] kena kertas elok sikit. Dia tidak payah benda itu dia cukup sudah kita punya keperluan material itu sangat banyak jadi menyebabkan budak-budak adalah tercabar macam tu. Selepas itu, masa yang paling saya rasa paling drastik berbanding dengan kursus lain adalah kita setiap kali *presentation* [pembentangan] sekali setiap kali itu kita tidak tidur, *so* [jadi] berapa banyak *presentation* sebab kita ini kena menyiapkan benda itu sampai esok pagi. Selepas itu, datang dengan tidak datangnya dengan mata mata merah itu macam selalu setiap kali projek ni ada projek ini lesu kalau *lecture* [pensyarah] kita tahu itu

*submission* [penyerahan] projek ke apa kan yang itu macam kadang-kadang kita tidak tahan sebagai *lecturer of course* [sudah tentu] semua orang ada *demand* [permintaan] lecturer ada *demand* [permintaan]. Jadi, dia kena *submission* [penyerahan] dia budak yang tidak pandai bagi masa ini memang macam itu dia minta tangguh, minta ini minta itu macam kita minta tetapi tidak selesai juga sebab dia tidak ada disiplin itu. Bila *student* [pelajar] tidak ada disiplin dia *student* [pelajar] itu biar dia lemah tetapi biar dia ada disiplin. Dia kurang bijak tidak pandai pun dia mesti ada keberanian sikit dia kena jumpa *lecturer* [pensyarah] jadi cakap dengan *lecturer* [pensyarah] itu sebenarnya kalau kita fikir seseorang sehari fikir *lecturer* [pensyarah] tu sepuluh minit itu selesai sudah masalah *you* [awak] kalau *you* [awak] jumpa dia, *you* [awak] fikir habis fikir kawan ini tanya ini tanya ini tanya-tanya satu hari fikir *syuuu* (buat bunyi laju). Lecturer itu sepuluh minit selesai sudah. Lebih baik jumpa *lecturer* [pensyarah] tetapi kenapa *you* [awak] tidak mahu jumpa *lecturer* [pensyarah]. Itu yang kadang-kadang kita mahu marah kita katakan sebab bukannya besar sangat masalah dia tapi *you* [awak] yang lari daripada masalah istilah lari daripada masalah kita kata tidak berhadapan dengan masalah itu. Pergi siapa yang bagi masalah dekat *you* [awak] lecturer tu kan, pergi jumpa *lecturer* [pensyarah] itu selesai masalah *you* [awak] dan dia tahu kalau *you* [awak] ada *problem* [masalah] *you* [awak] cakap *problem* [masalah] *you* [awak] tidak ada duit, *problem* [masalah] *you* [awak] apa keluarga *you* [awak] sakit ke ada ada apa apa kan ataupun *you* [awak] sendiri tidak sihat ke cakap betul-betul. Lecturer ini sebenarnya suka budak-budak jumpa dia cuma dia tidak ada masa kadang-kadang sebab itu *you* [awak] kena bawa *appointment* [temu janji] tetapi

cara ini kadang-kadang *you* [awak] tidak perlu pun formal kan appointment formal, formal itu adalah benda formal tetapi pergi jumpa tidak jumpa dekat mana pun *you* [awak] kena buat di itu. Bila *you* [awak] berani *you* [awak] ada sahsiah yang jitu *you* [awak] sebenarnya berani tegur *lecturer* [pensyarah] *you* [awak] bukan tegur masa sekarang ini saya tengok tegur tapi kadang-kadang ada rasa macam tidak hormat sikit. Dulu kita tegur kita tidak lari macam sekolah kita lari kan cikgu garangnya. Daripada sini kita lari dekat lain kita takkan lalu dengan dia tidak selisih dengan dia tetapi kalau dengan *lecturer* [pensyarah] sekarang saya tengok mesra anak murid dengan apa pelajar dengan pensyarah tapi kadang-kadang saya rasa macam \_ sikit macam tidak hormat sikit. Kadang-kadang ada *time* [masa] tempat-tempat dia tidak hormat sikit kita tidak boleh kita kena *respect* [hormat] orang lebih tua daripada kita orang yang lebih pengalaman kita, tambah dia itu guru kita tidak kira guru itu macam mana pun sama kita rasa tidak seberapa ilmu dia mahu banding dengan guru lain tetap nama dia status dia guru Tuhan dah bagi berkat angkat jadi maknanya restu guru itu mesti macam you restu mak ayah you mesti penting mesti letak number satu baru ilmu itu berkat bila ilmu berkat sikit pun dia bermanfaat tapi bila ilmu tu macam banyak ini ilmu banyak ini dalam ini tetapi tidak berkat sebab ilmu itu tidak ada guru siapa yang mahu tapis *you* [awak] ambil itu betul ke tidak betul sebab banyak ilmu sebab bukan ilmu itu sebenarnya dia *information* [maklumat] yang kalau ilmu ini maknanya guru *you* [awak] mesti sudah ditapis dipandu oleh seorang guru tidak kira guru itu *lecturer* ke guru itu mak ayah *you* [awak] ke ataupun pak cik mak cik *you* [awak] ke orang lain ka orang yang mengajar dia memberi panduan dekat *you* [awak] niat dia untuk

*sharing knowledge* [berkongsi pengetahuan] itu berkongsi ilmu itu yang bermanfaat yang ini macam-macam ilmu macam-macam info tetapi banyak kali tidak manfaat you *spend time* [luangkan masa] banyak dekat situ tetapi rugi. Bila you spend banyak *actually* [sebenarnya] you [awak] kurang *spend time* [luangkan masa] dengan lecturer you yang bermanfaat *gitu* [begitu] insyaAllah.

**NSA : Apakah kejayaan yang telah tercapai sepanjang menjadi pensyarah?**

**PRO :** Sebagai pensyarah sebab saya mahu cakap itu macam saya *first* [pertama] itu sepuluh tahun tidak panjang mana sebab itu umur saya masa tu tiga puluh tahun masa saya keluar tu dari tahun sembilan belas lapan puluh tiga sampai sembilan belas sembilan puluh tiga itu umur tiga puluh tiga tahun jadi macam saya kata saya pun tidak pernah jadi pegang jawatan ketua bidang ka apa-apa kan sebab kita baru-baru lagi. Jadi daripada segi aspek tu saya rasa macam saya lebih banyak lebih belajar pada benda-benda yang baru. Waktu di tempat itu belajar dengan senior-senior lecturer daripada macam saya mempamerkan suatu kejayaan yang besarlah untuk universiti kan saya macam biasa-biasa ja daripada orang lain di universiti di peringkat itu.

**NSA : Adakah terdapat pekerjaan lain yang Puan ceburi selain pada pekerjaan pensyarah?**

**PRO :** Masa tu saya saya tidak ada pula mengajar lain sebab saya rasa saya sangat *dedicated* [berdedikasi] saya betul-betul mengajar budak-budak anything kepada

budak-budak tu kita sanggup sebab kita pun single masa tu kan takde apa takde keluarga lagi takde anak jadi kita boleh dua puluh empat jam bersama budak-budak *anytime* [bila-bila masa].

**NSA : Bilakah tahun akhir Puan bekerja sebagai pensyarah?**

**PRO :** Sebab saya habis kontrak saya tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993]a maknanya sepuluh tahun daripada tahun *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] balik servis sampai *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993]. Selepas itu, saya berkahwin sebelum itu tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990], jadi tiga tahun itu kita panggil *PJJ* [Percintaan Jarak Jauh] jarak jauh. Kita punya perkahwinan kita saya di Johor dia di Kelantan kita kadang-kadang jumpa tengah jalan dekat *KL* [Kuala Lumpur] sebab keluarga saya *KL* [Kuala Lumpur] ataupun saya asal cuti namanya cuti saja saya balik Kelantan dia nak turun Johor tidak sebab dia punya *base* [asas] ini memang tidak mungkin dia boleh buat kerja kalau dia di Johor macam saya kalau cuti kita minta *free* [bebas] kita boleh kita kata itu masa dia yang kita ada.

**NSA : Dimanakah universiti terakhir Puan bekerja sebagai pensyarah?**

**PRO :** Jadi selepas saya sudah kahwin maknanya selepas tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993], saya betul-betul *total* [sepenuhnya] berhenti saya adalah macam dia panggil cuba-cuba betul ke saya mahu berhenti betul-betul maknanya orang panggil saya ada. Mula-mula saya ambil cuti tanpa gaji setengah enam



bulan macam itu. Mahu tengok betul-betul ke saya mahu betul-betul mahu berhenti tapi *last* [akhir] sekali, keputusan ini saya rasa letih (mengeluh) letih jauh *JB* [Johor Bahru] ini sebab *travel* [melancong] pun dua belas jam kapal terbang pun tidak ada *direct* [langsung] macam itu. Jadi bila berhenti saya lima tahun itu saya sebenarnya macam saya kata tadi tidak ada kursus seni bina dekat sini Pantai Timur ini ada dekat Pahang saja bukan dia Kelantan mahu pergi Pahang pula. Kuantan ada Politeknik situ. Selepas itu saya fikir- - jadi suri rumah tangga lima tahun sepenuh masa besarkan anak masa tu anak kecil-kecil lagi besarkan mereka selepas itu kita daripada Kota Bharu kita pindah ke Kandis ini ada tawaran sebab *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Machang sebab dia daripada *PC* [Pengkalan Chepa] saya rasa dia pindah ke sana. Ia kampus baru ini kampus baru tawar saya masa itu fakulti yang *limited* [terhad] yang masa itu dia ada seni (cuba untuk mengingati) fakulti kreatif saya pun dah tidak ingat seni dan kreatif macam itu yang fakulti itu. Jadi dia tawar saya untuk mengajar tapi tidak boleh mengajar bahagian studio itu panggil *design* [reka bentuk] sebab bidang lain itu seni kreatif seni, seni halus, seni photography ada tekstil macam tu lah \_ tekstil kalau betul tekstil dengan \_ *art* [seni] kemudian. Jadi tidak bidang saya tetapi saya boleh ajar subjek seni. Dia ada teori dia. Saya ajar teori- teori dunia ini daripada zaman prehistorik apa semua prasejarah itu sampai moden itu saya boleh ajar teori \_ subjek benda-benda macam itu. Saya mengajar yang apa yang yang mula-mula *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] selepas itu saya terlibat dengan banjir saya serik sudah (*ketawa terbahak-bahak*). Saya tidak mahu mengajar sana sebab musim ini saya kena pergi sana sebab *part time* [separuh masa] kan saya pergi

*part time* [separuh masa] bukan mengajar *full time* [penuh masa] tetapi *part time* sebab saya sudah besar anak masa tu lagi kan jadi saya kerja *part time* kena terperangkap masa banjir saya serik sudah selepas itu kebetulan *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] wujud. Baru wujud tapi dia dekat *PC* [Pengkalan Chepa]. *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] dekat *PC* [Pengkalan Chepa]. Jadi saya *start* [mula] dengan kat *PC* [Pengkalan Chepa] saya bersama sebab lagipun ada pensyarah *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] dulu dia jadi ketua jabatan dekan dekat sana dia ajak saya. *So* [Jadi], saya mengajar di *PC* [Pengkalan Chepa], *PC* [Pengkalan Chepa] pun tidak seni bina dia kategori bidang warisan. Fasilitas kreativiti bidang warisan ini warisan-warisan yang belum lagi ada lanskap, belum ada interior design belum ada *architecture* [jurutera] juga tetapi sebab pensyarah yang sama dulu kita dekat sana dia ajak saya, saya boleh ajar subjek-subjek lain. Jadi adalah beberapa subjek yang saya ajar disana. Selepas itu, baru dia orang pindah di Tangok. *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] pindah dekat *Tangok* [Kelantan] ini. Jadi makin dekat saya lagi suka makin dekat sebab saya kena masa itu saya dah kena jaga sebab arwah sudah tidak ada saya kena jaga apa yang ditinggal oleh arwah di sini pada masa yang sama saya kena jaga anak saya pada masa yang sama saya kena cari duit untuk keluarga. Jadi mahu jaga itu kalau jauh-jauh susah jadi saya suka *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] sebab dia dekat dengan kita tidak sampai lima belas minit pun.

**NSA : Bagaimana pengalaman-pengalaman kerjaya Puan ini mempengaruhi perkembangan kerjaya Puan sekarang?**

RBO : *Okay* (baiklah) macam saya cakap mula-mula satu saya minat itu minat hobi saya, macam-macam. Selepas itu kita dapat banyak pengalaman melalui subjek seni bina kita tu dengan *explore* [meneroka] pada benda-benda yang realiti dengan pelajar selepas itu dengan kita kata ilmu dan pengalaman macam-macam yang lain itu jadi bidang saya seni bina tapi apa saya buat sekarang ini bukan sahaja seni bina, ini warisan kan jadi warisan ini dia sangat luas benda budaya kita. Adat atau benda yang berkaitan dengan *you* [awak] hidup maknanya *you* [awak] lahir itu keluar daripada perut ibu *you* [awak] itu sampai *you* [awak] mati pula. Semua itu adalah adat budaya *you* [awak] maknanya semua itu maknanya melibatkan bahan melibatkan adat, melibatkan pergerakan melibatkan benda kebendaan melibatkan manusia yang sebab bidang *you* [awak] seni bina jadi kita kena buat benda tu berseni kita kena buat benda tu cantik kita kena buat tu sempurna kita mesti buat benda berdisiplin kita mesti ada struktur cara dia ada tertib dia jadi semua itu menyebabkan saya rasa saya suka sebab saya suka yang benda cabar-cabar saya tidak suka yang dia \_ buat buat bangunan *gitu* [begitu] saja ataupun duduk *office* [pejabat] ataupun pergi dekat luar tu yang kasar-kasar itu dengan dengan dengan *consultant* [perunding] lain tu. Apa yang saya buat sekarang ni sebenarnya sangat dipengaruhi saya mampu buat sekarang ni sebab dipengaruhi oleh latar belakang saya makna bidang saya seni bina tu saya cakap seni bina itu kita tak sempit dia meluas, sebab itu saya cakap kalau boleh saya mahu suruh belajar seni bina tetapi selepas itu *you* tidak mesti jadi arkitek tapi sebab dia punya pengajian silibus semacam itu yang menyebabkan *you* [awak] ni - sangat lasak *you* [awak] tolak sini pun boleh duduk sini pun sini boleh sebab saya bagi contoh

banyak budak-budak seni bina yang keluar tak semestinya jadi arkitek sebab banyak you kalau setiap tahun ada enam puluh lama-lama nak pula arkitek sampai satu tempoh lebih banyak arkitek daripada bangunan macam itu l kita katakan tak semua boleh jadi arkitek maksud dia jadi ada yang macam tadi saya kata bangunan tu produk dia orang kena servis bangunan servis tu yang servis bahagian servis tu kan itu, satu. Selepas itu, yang kedua yang keluar daripada seni bina bukan keluar daripada bidang yang berkaitan dengan seni bina bangunan misalnya buka restoran tapi *you* [awak] boleh bayang restoran ini ada dengan konsep dengan bahan yang cantik dengan modal yang tidak perlu mahal sangat tetapi *impact* [kesan] dia lain maknanya orang ada ilmu ilmu seni pas tu dia buka restoran atau ada yang pasti pastilah biasa dalam mana cantik bangunan pun cantik makanan pun mesti cantik orang yang servis layan pun mesti cantik kan maknanya baik dengan akhlak semua-semua. Selepas itu, ada yang saya kata buka ladang lembu arkitek buka ladang lembu. *You* [awak] bayang apa cerita dia bukan bangunan bukan orang tapi lembu tapi sangat *organized* [tersusun] sebab disiplin dia terlalu sangat *organized* [tersusun]. Jadi *you* [awak] tahu tak macam tak bersepah sepah dia punya - ni tak banyak tapi bangsal-bangsal dia ada aturan urutan dia disipin dia adalah saya pun tak tahu pengurusan lembu ini kan tetapi orang kata kena tengok-tengok ladang lembu dia *comel* [cantik] maksudnya comel tu adalah bukan comel macam kita menghias orang comel tapi sangat teratur, terurus terancang. Nampak plan is a plan place. Satu tempat yang kita rancang molek tak macam \_ saja buat sini selepas itu buat ni orang lain ada ni kita pun buat tidak, dia rancang cantik-cantik buat elok-elok. Ataupun ada yang keluar pergi buat benda-benda

yang berkaitan dengan sistem dengan apa benda ini yang suka benda itu ada macam-macam cabang. *So* [Jadi], maknanya kita kata boleh bercabang kepada tempat lain yang itu yang menarik saya kata. Macam saya balik dengan apa yang saya buat sekarang ni saya rasa dia tidak saya rasa tidak canggung saya rasa tidak takut saya rasa *confident* [yakin] sebab benda ini sikit-sikit macam saya sudah lalui sebelum-sebelum ini. Macam kata *okay* [baiklah] pengalaman saya sebab sudah berkahwin dengan arwah ini mana bidang seni bina mana warisan seni-seni bina ukir-ukir kayu. Selepas itu kalau kata bidang seni budaya sebab memang kita minat. Selepas itu, latar belakang saya pun ayah saya ni memang orang budayawan dia memang kerja dengan kebudayaan dan dia memang pengamal kita kata banyak benda yang kita warisi benda itu. Selepas itu, kalau kita kata yang berkaitan dengan warisan ini, warisan kraf. Kraf itu memang makanan, saya suka benda-benda ini tidak kira apa pun, saya tahu dekat mana produser, siapa tukang dia, tokoh dia dekat mana hendak *assess* [menilai] benda itu dalam Malaysia dekat mana yang ada macam saya tahu sebab apa minat saya daripada dulu benda-benda yang kraf ni. Selepas itu, dia kata benda yang warisan ini melibatkan manusia manusiawi, saya ini bukan duduk dalam bandar kat *office* [pejabat] pergi mana mana tidak *contact* [berhubung] orang kita duduk kat kampung ini. Jadi kita memang sentiasa berhubung dengan orang. Orang pun datang selalu tanya dengan kita jadi kontak kita dengan manusia itu macam rapat sebab saya pun tidak duduk universiti sangat sebab saya *part time* [separuh masa] saja universiti. Jadi kita tanya dengan masyarakat tu dulu-dulu dekat kampung ini buat macam na eh kalau banjir macam ini *you all* [awak semua] makan apa ataupun kalau pergi ke laut

pakai bot *gini* [begini] ke fiber ke dulu pakai *gini* [begini] “tidak” dia kata “gini gini”. Selepas itu kalau kita kata hal lain *bekwoh* [kenduri] orang kat sini masih gotong-royong eh, kita sudah ada katering ataupun kita kata orang kampung suruh kita hias pelamin dia, hias bilik dia *gitu* [begitu]. Jadi adalah banyak hal-hal budaya yang kita buat jadi benda itu semua jadi warisan. Cuma seni persembahan datang kemudian bila kita terlibat dengan *event-event* [majlis-majlis] kan kita dapat bila dekat universiti *event* [majlis] kecil-kecil bila dekat luar jadi event besar-besar. Jadi kita terlibat dengan kita kata seni persembahan tidak tahu pun yang Tok Selampit ke tidak apa dia Mak Yong ke wayang kulit kita tahu *basic* [asas] kita tahu ada yang tari inai ke apa benda tidak tahu tetapi bila kita sudah bergaul dengan masyarakat ini dia kata “jom pergi tengok \_” dia kata ada lagi misteri dekat sini” pergi- pergi selepas itu ada dekat sini orang kalau nak baiki seronai ke gong ada tempat ini dia kata kita pergi pula kan saya sebab masa saya fleksibel jadi saya boleh ikut orang nak suruh apa saya rasa saya nak cari apa saya boleh buat itu yang saya suka fleksibiliti itu bila jadi pensyarah jadi kita bebas. Saya sebenarnya tidak suka di kongkong saya suka bebas untuk buat apa-apa saya sebab saya rasa bukan saya ada sampingan yang membazir-bazir tetapi sampingan yang berkaitan yang boleh kita buat. Jadi dia membantu dengan kerjaya saya sekarang yang sabit dengan pengurusan warisan di akademi ini.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### BAHAGIAN 4: KERJAYA SENI

**AN** : Seterusnya puan, kita beralih pula kepada kerjaya seni puan sekarang. Mengenai bidang senibina puan, boleh puan ceritakan dengan lebih lagi bagaimana permulaan puan dalam bidang ini?

**PRO** : *Okay* (baiklah). Sebenarnya senibina tu kalau kita tengok - - sebab saya dah mengajar di *Universiti Teknologi Malaysia* [UTM], jadi kebanyakan benda yang berkaitan kerjaya senibina tu dia \_\_ masa itu la di universiti. Cuma kalau sekarang ni, sebab saya banyak terlibat dengan benda - benda warisan ni dan saya pun sebagai pengurus kepada *akademi* [Akademi Nik Rashiddin] ni. Jadi benda - benda yang senibina tu tak terlalu banyak cuma yang ada antara lain kalau kita tengok bangunan kita sendiri ni kita reka bentuk, maknanya kita ada galeri, *office* [pejabat] ni semua satu, *pastu* [lepas itu] kita ada sebelah sana tu kita ada kediaman kita, kita *combine* [gabung] sebab asalanya kita buat semua ni kediaman kita, tapi bila *arwah* [suami] tak ada, kita asingkan bahagian ini dengan rumah untuk pengurusan. Kalau tidak, ini galeri *private* [persendirian] bukan galeri *public* [awam]. *Private gallery* [galeri persendirian] tapi sekarang ni jadi galeri *public* [awam] tapi kita yang uruskan. Sebelah tu rumah kediaman, lepas tu kita ada buat *conservation* [pemuliharaan]. Kita beli rumah lama daripada Terengganu, kita *rombak* [pecahkan] , buka, *transported* [diangkut] dengan treler, lori , pasang balik dekat sini. Itu yang rumah lama tu dua ratus tahun kayu tradisional yang menjadi sebahagian daripada artifak kita dan dalam *ni* [Akademi Nik Rashiddin] kita ada artifak budaya Melayu dipanggil. Maknanya, barang -

barang warisan Melayu kita, sebab barang - barang kita dulu tak ada kaca tak ada besi, tak ada plastik. Zaman sekarang ni baru benda tu ada jadi barang kita semua kebanyakannya aktiviti - aktiviti budaya kita tu berasaskan kayu, itu yang kita ada kan. Jadi semudah - mudah kita panggil acuan \_\_ \_\_ kelapa dekat dapur, tapisan semua daripada kayu, sehingga kepada benda yang besar macam kita tengok mimbar, ada katil kan kepada benda - benda yang lebih halus pada senjata Melayu. Itu semua benda warisan kita. Saya *balance* [seimbang] fokus tu sebenarnya ataupun banyak tak buat dah senibina tu, kecuali macam bangunan asal ni kan tapi saya lebih fokus kepada menyampaikan ilmu yang berkaitan dengan khazanah warisan kita itu dan rekoding simpan semua tu nak banding dengan senibina. Fokus saya lebih kepada saya mengajar, *sharing* [berkongsi] ilmu, sebab bidang saya senibina dan saya boleh mengajar subjek lain tu yang berkaitan. Lepas tu, saya boleh buat juga benda - benda warisan ni kan maknanya *conservation* [pemuliharaan] pastu menjaga benda ni pastu kita boleh buat *event -event* [acara-acara] yang berkaitan dengan *conservation*, [pemuliharaan] *preservation* [pemeliharaan] semua daripada seminar, workshop [bengkel], program sekarang ni macam nak tengah *prepare* [menyediakan] program *TOK* [Temasya Orang Kampung]. Jadi, yang kalau kita kata mula senibina ni daripada lepas belajar ni mula situ kan.

**AN : Adakah peristiwa ataupun tokoh yang menarik minat puan untuk menceburi bidang senibina ini?**



PRO : Tokoh senibina yang *outstanding* [cemerlang], sebenarnya masa kita belajar tu ada tapi bila bekerja ni - - sebab masa tu, tokoh ni bila kita buat banyak pembangunan, pembangunan ni banyak nya adalah dalam bandar sangat pesat, lepastu benda itu semua tinggi – tinggi. Saya tak suka benda dipanggil *urban* [bandar] punya *architecture* [senibina], saya tak suka yang dalam bandar. Saya rasa terlalu - - dia terlalu keras dan tak ada aspek kemanusiaan. Saya suka yang *not urban* [bukan bandar] ataupun *rural architecture* [senibina luar bandar], yang duduk dalam kampung, yang *resort* [tempat peranginan], yang dia santai – santai yang ada banyak *blending* [sebati] dengan alam semulajadi dengan manusia. Jalan-jalan dekat pulau, dekat - - bukit macam *gitu* [macam itu], *rural* [luar bandar] kita panggil. Saya tak suka yang dalam bandar sebab tinggi – tinggi tak kira macam Dubai kan, buruj dia entah apa-apa pencakar langit, saya tak suka benda tu semua sebab sangat keras. Saya suka yang lebih santai, lebih dengan alam semulajadi, lebih *relax-relax* [santai – santai] tak perlu mesti *follow* [ikut] macam ni. Macam saya, *character* [sifat] saya, saya tak suka dikongkong-kongkong kan. Saya suka yang santai-santai, macam kalau benda *industrial* [perindustrian] ni dia *perfect* [sempurna]. Jadi, maknanya saya tak suka yang *industrial* [perindustrian], saya tak suka benda *industrial* [perusahaan], perusahaan. Saya memang tak suka macam benda yang *mass produced* [dihasilkan secara besar – besaran]. Jadi tokoh saya rasa kebanyakan masa zaman saya tu, pembangunan dalam bandar. Ada dekat tempat-tempat lain tu, tapi *outstanding* [cemerlang] yang kita suka sangat *architecture* [senibina] untuk Malaysia ni saya rasa tak banyak sangat yang saya tahu tapi yang luar negara tu

ada, yang kita minat kan ketokohan dia sebab dia dah lalui fasa kita. Kita ni fasa, kita negara membangun, jadi kita nak pembangunan. Pembangunan pada kita adalah bina bangunan, bina kilang, bina ini bina itu. Dekat luar negeri di dah lalui fasa itu, dia tahu kesan daripada dia bina *gini-gini* [macam ini] \_ , ada masalah. Dia berubah dah. Dia jaga eko, dia jaga air, dia jaga alam, tumbuhan, binatang-binatang ni semua. Kita belum keluar daripada fasa itu. Kita masih buat masalah – masalah itu. Jadi kita kata arkitek – arkitek ini yang lebih *eco-friendly* [mesra alam], buat pembinaan yang macam ni. Yang itu yang kita lebih cenderung. Saya suka sebab saya tak suka yang *urban* [bandar] ni. Jadi yang itu adalah tokoh – tokoh yang saya suka, yang sangat sensitif kepada alam sekitar.

**AN : Jadi, boleh puan ceritakan sedikit tentang jenis – jenis senibina yang ada?**

**PRO :** *Okay* (baiklah), satu kita panggil *rural architecture* [senibina luar bandar] satu lagi kita ada *urban architecture* [senibina bandar] kan. Maknanya yang pembangunan yang sangat pesat di dalam bandar sebab dia kira *square inch* [inci persegi] tu perinci persegi bukan per kaki persegi (ketawa), sebab berharga sangat-sangat nilai dia, berbanding duduk dalam bandar dia murah sedikit. Jadi kalau kita tengok *high rise* [bangunan pencakar langit] dengan yang *medium rise* [kenaikan sederhana] atau *rural rise* [kebangkitan luar bandar], Maknanya yang *rural* [luar bandar] ni kebanyakan yang empat tingkat tinggi. Kalau *high rise* [pencakar langit] tu sampai ratus – ratus tingkat kan *very - - small space* [ruang yang sangat kecil] tapi ramai orang boleh duduk satu tempat. Kalau kita \_ maknanya dia

melebar jadi kita boleh *enjoy* [menikmati] alam semulajadi banyak la berbanding dengan bandar. Itu satu, lepas *tu* [itu] *architecture* [senibina] ni, *can be from domestic* [boleh dari dalam negeri] maknanya yang berubah-ubah yang asrama, yang orang duduk tidur sampai membiak berkeluarga semua domestik skala kecil sampai kepada yang kita panggil *industrial* [perindustrian], industri-industri kilang kepada yang awam, stesen keretapi, stesen bas, masjid, benda-benda awam, balai polis semua itu yang kita panggil yang *social architecture* [senibina sosial] kepada yang lebih *eksklusif* yang *very specific* [khusus]. Lepas tu kita ada *architecture* [seni bina] yang dibezakan disebabkan oleh lokaliti, maknanya *you* [awak] ada *location* [lokasi] sama ada daripada atas bukit, sungai-sungai, lembah-lembah, kampung sampai ke dalam laut kat pulau. *Architecture* [seni bina] dia lain-lain semua tu, sebab dia faktor *environment* [persekitaran] ni kan, dan kita tengok *architecture* [seni bina] tu boleh yang - - mesra alam macam \_\_ kampung-kampung ataupun kita boleh lawan alam - - macam misalnya kalau kita tengok macam yang sekarang yang tu orang berani lawan tu sebab dia rasa dia ada ilmu, dia ada duit, dia ada kepakaran tu. *So* [jadi] itu, berbagai jenis *architecture* [seni bina] yang ada. Sampai ke - - benda *you* [awak] *provide* [menyediakan] untuk binatang dan tumbuhan pun *architecture* [seni bina] juga.

**AN : Lepas itu, mengenai karya seni bina puan, jika ada, boleh jelaskan?**

**PRO :** *Okay* (baiklah) yang saya buat ni saya rasa tak banyak mana. Antara lain saya rasa inilah tempat kita ni, memang kita *design* [reka bentuk] untuk ni. Saya rasa dia

punya kelebihan yang saya nak cakap, bila saya buat seni bina saya ni, saya sangat *cautious* [berhati – hati] dekat - - tanah, air, api, angin. Maknanya empat unsur alam tu maknanya kita cari lokaliti yang paling cantik. Cantik maknanya dia selamat, dia tak ada masalah, bila apa-apa cuaca berubah-ubah kan dia terlindung daripada apa-apa musibah secara fizikal ataupun yang kita tak *expect* [jangka] kita kata kan. Maknanya daripada segi kecurian ataupun daripada banjir ke ataupun apa-apa dia selamat, kita sejahtera duduk dalam bangunan tu kan kita kata, yang tu. Maknanya itu tanah - - tanah, air. Air maknanya tu kalau kita tengok tu tapak yang kita pilih tu memang maknanya apa penggunaan air kita . Air betul kita nak *supply* [bekal] minum, kita dapat air mineral water [air mineral], air dalam telaga kita kata kan. Air tu satu kita nak *consume* [guna], ambil dalam tanah dan kita minum, satu lagi bila kita dah minum kita nak buang pula air tu sebab dia dah *cemar* [kotor] kan. Itu kita kena *design* [reka bentuk] supaya benda tu tak menjadi mudarat kepada kita. Kita cipta bangunan, kita cipta sistem. Kita cipta tu kena - - kena pertimbangan tu mesti biar kehidupan manusia tu dia mesti sihat sejahtera aman damai. Maknanya kalau kita buat sesuatu tu maknanya kena - - sebenarnya kena sederhana. Islam tu suruh kita sederhana sebab dia selamat. Jadi kalau kita selalu berdamping harmoni dengan alam, maknanya kita akan dapat impak negatif yang sangat minimal. Jadi kita tak ada banyak masalah sebenarnya, tak ada masalah, dan kita reti hidup bersama dengan benda lain, dengan pokok, dengan binatang, dengan manusia lebih-lebih kan. Tapi kalau kita *create* [cipta] kita punya own, kita tak pikir dah benda ni, binatang sebab terbang pokok, ekosistem tu hilang daripada cacing dekat dalam - - bumi tu sampai ke rama-rama, lebah,

burung, ulat-ulat semua tu habis semua yang membantu kita daripada - - tanah runtuh, daripada banjir - - kan, kerak bumi - - begitu.

**AN : Jadi, adakah terdapat ahli keluarga lain yang terlibat dalam bidang seni bina ni selain puan?**

PRO : *Okay* (baiklah) dalam keluarga saya, *kitorang* [kami] ni bukanlah keluarga seni tapi saya punya ipar duai ni (ketawa), adik saya kahwin dengan arkitek, ada dua orang - - begitu lepas tu saya, lepastu ayah saya sebenarnya dia bidang budaya - - budayawan. Tapi saya rasa mungkin seni itu la cara mengalir nya begitu. Tapi orang lain saya rasa - - dalam ahli keluarga - - itulah ipar saya dua orang. Adik beradik - - tak adalah.

**AN : Okay (baiklah), mengenai penglibatan dalam seni warisan Melayu, boleh puan ceritakan bilakah puan mula menceburi seni ini dan bagaimana puan boleh berminat dalam menceburinya?**

PRO : Sejak saya berkahwin dengan *arwah* [suami] ni, sebab saya terdedah kepada benda-benda yang bukan saya tahu secara *detail* [terperinci]. Maknanya kalau macam penghasilan dia, karya *dia* [arwah] yang melibatkan semua artifak-artifak budaya kita yang diukir, ataupun yang dibuat yang berasaskan kayu. Maknanya kita kata katil ke mimbar ke, dekat dapur tu pokok kelapa ke kita

kata lebih-lebih lagi dekat rumah boleh nampak, ataupun pergi kepada yang lebih halus senjata ataupun alatan pertanian, peralatan nelayan semua kayu-kayu. Lepas tu sampai kepada senjata keris, \_ ke, klewang ke alatan-alatan kita tu memang semua benda tu daripada kita kecil lahir dekat dunia ni ada buaian, kita ada *gere* [pangkin], ada barang-barang untuk kegunaan rehal mengaji masa kita remaja, sampai ke benda-benda yang pertanian dengan nelayan, lepastu kehidupan kita kepada rumah kediaman, masjid kita kata, bangunan awam kita kata, balai rakyat ke apa sampai istana kan. Semua tu memang melibatkan benda kayu dengan yang berukir dan ataupun tidak - - melalui *arwah* [suami] ni saya rasa dia lebih , saya - - lebih terdedah permulaan tu. Saya buat senibina ni saya suka kalau batu dengan konkrit. Kayu saya suka jenis seni bina kayu ni lebih macam kita ada rumah lama tu *conservation* [pemuliharaan] kita penjagaan *preservation* [pemeliharaan]. Tapi bila kita buat macam kita kata - - senibina ni, sebenarnya kita tahu kulit je, saya tak tahu dalam dia apa isi dalam kulit ni. Saya “tapi aku tahu pokok kelapa ada kan”, ataupun dekat sini, tapi saya kata “eh tak ada pun kerusi meja, tak ada pun katil macam katil kita sekarang”, sebab bila saya cakap “eh kerusi ni lagi satu ni nak letak dekat mana, almari ni letak dekat mana, ni satu lagi..yang ini perabot ni letak mana” , dia tak ada benda tu tak serupa sebab kita rumah moden kan - - kita masuk rumah tradisional , dia memang lari. Rumah tradisional dia tak ada banyak perabot luaran, dia *built-in* [terbina dalam] ataupun kita kata dia ada konsep tikar. Semua benda kita buat seakan-akan. Macam kita dekat dapur, ada *built-in cabinet* [cabinet terbina dari dalam] tak? Dulu tak ada kan? Bila *built-in cabinet*

[cabinet terbina dari dalam], kita buat kerja ataupun kita ada kaunter kita buat kerja berdiri kan. Orang dulu – dulu tak ada buat kerja berdiri, dia kerja duduk. Dia mesti ada *kuda* [bangku kecil] dia panggil *kuda* [bangku kecil]. Duduk letak punggung dekat situ kan lepastu buat kerja apa-apa samada dia nak kukur kelapa ke, menyang apa ke boleh duduk dekat kuda [bangku kecil]. Jadi kita ada kuda tapi kita tak buat kerja berdiri atas tu kecuali ada yang macam masak pun kadang-kadang ada rendah, tapi ada juga masak yang tinggi ataupun kita nak sangkut-sangkut benda kan tinggi kan sebab kita nak ada *space* [ruang] tu supaya ada api, ada para, benda-benda yang macam itu. Jadi nak cakap, maknanya, saya tahu buat seni kayu tapi saya tahu kulit je, saya tak tahu dalam yang tradisional. Kalau rumah kayu biasa tu tahu lah kan, kita tahu apa isi dalam sebab kita tahu kita nak letak katil *gini* [macam ini], kita nak letak kerusi meja dekat sini, kita ada almari dekat sini, kita ada rak dekat sini kan, benda - benda tu. Tapi bila rumah tradisional dia tak *gitu* [macam itu]. Jadi baru kita tahu “oh benda ni warisan Melayu kita”, baru kita tahu pasal tikar tu. Semua benda pun tikar. Jadi itu permulaan saya.

**AN : Semasa melibatkan diri dalam seni warisan Melayu ni, macam mana kegiatan yang dilakukan oleh Puan?**

**PRO :** Apa saya buat?

**AN :** *Ho* [ya] apa yang puan buat?

PRO : *Okay* (baiklah). Jadi, satu adalah kita warisan ni kita kena *preserve* [pelihara], kita kena jaga. Jadi kita *display* [papar] cantik – cantik, kita *open* [buka] galeri pada orang, orang boleh datang tengok. Lepas tu kita bagi penerangan, bagi penerangan apa dia kita punya sejarah warisan kita la sebab kita \_ [menyegerakkan] sejarah. *So* [jadi], kita cari ilmu tu kita sampaikan kepada pihak – pihak yang kita kata yang tertentu. Mungkin pelajar dia akan keluar *graduate* [graduan] dia akan *innovate* [berinovasi] buat kerja sendiri kan. Ilmu tu akan berkembang. *So* [jadi] kita nak ilmu tu berkembang, kita tak nak simpan. Bukan dokumen-dokumen sahaja tapi macam mana ilmu ni bermanfaat daripada dulu, macam al-quran. Zaman bila al-quran ni, complete zaman Rasulullah kan. Jadi, ilmu tu macam itu sahaja ke? Tak. Berkembang, berkembang, berkembang kan sebab itu kita jadi ilmuwan – ilmuwan Islam terbanyak kan. Asal siapa? Quran itu la. Tapi ada sahaja cerita pasal benda – benda apa pembangunan dalam al - quran. Tak. Cara kita tafsir quran tu dan kita manfaat kan al-quran tu dengan kepakaran -kepakaran kita tu baru kita boleh buat kita *tubik* [keluarkan] ilmuwan-ilmuwan Islam yang kita ada macam-macam bidang kan. Jadi kita nak macam itu juga. Jadi maknanya saya punya usul adalah kita jaga ini sebab kita tahu ni asal usul. Kenapa kita tahu pasal ilmu keris? Apa kita nak buat dengan keris ni sekarang? Apa lambang dia? Jadi itu la ilmu dia. *Okay* (baiklah), hadam benda tu, faham kan. *So* [jadi] yang pertama *you* [awak] tahu keris ni apa? Dia lambang. Lambang apa? Pertama dia lambang Melayu, *so* [jadi] *you* [awak] nak pasti tak akan datang ada orang Melayu. Apa jadi kalau akan datang, bumi Melayu kita ni tak ada



Melayu, semua dah kena usik. *So* [jadi] apa yang *you* [awak] belajar daripada ini? Keris ni mempertahankan jiwa Melayu kan. *So* [jadi] *that is* [itulah] yang saya buat sekarang ni. Saya buat itu la. Saya sampaikan ilmu tradisional tu ataupun benda-benda asli itu, lepas yang asal. Lepas tu kita rangsang orang yang datang dengar tu. Jadi fikir dan buat. Itu yang sebab saya punya - - pengunjung biasanya yang ramai-ramai tu ramainya *student* [pelajar]. Itu antara aktiviti kita , lepas tu lain-lain tu kita buat bengkel-bengkel *workshop* [bengkel] untuk tu. Misalnya contoh kan, ataupun macam mana nak buat benda adat sireh, pulut semangat sireh ni kena susun *gapo-gapo* [apa], kita buat lah *workshop* [bengkel]. *Okay* (baiklah), besar sikit kita buat besar lagi kita buat forum, kita buat seminar, kita sebar, luaskan ilmu tu lah dalam program-program tu. Lepas tu yang paling besar, tahun lepas yang kita buat adalah TOK kita panggil Temasya Orang Kampung. Temasya Orang Kampung *is* [ialah] apa benda yang awak terfikir orang kampung buat daripada hidup lahir ke dunia sampai dia mati, itu lah kita buat. Seni persembahan kita ada Mak Yong, wayang kulit, kita ada dikir, alatan muzik semua benda lah .Lepas tu kita *documentation* [dokumentasi] kita ada melibatkan *IPT* [Institut Pendidikan Tinggi] dia *innovate* [berinovasi] benda-benda ilmu tu dia buat . Lepas tu kita ada *photography exhibition* [pameran fotografi] kita ada - - artis \_ *exhibition* [pameran], *fines art* [seni halus] kan, lepas tu dekat luar sana kita ada orang kampung kita suruh jual cara tradisional macam mana orang zaman dulu jual. Pakai pakaian tradisional, pengunjung semua kena pakai tradisional. Lepas tu kita ada jual. Jual pun tak jual benda plastik ni, semua benda yang diperbuat

daripada alami, daripada daun nyior ke, daripada pelepah nyior ke, daripada biji ke apa benda tu besi ke apa yang tradisional semua ada di situ. Lepas tu permainan tradisional juga. Permainan rakyat tradisional semua tu. *That is* [itulah] Temasya Orang Kampung kita masa tu la tahun lepas. Tahun ni, duit dapat sikit dan kita telah dapat dana daripada \_\_, kerajaan. Tahun ni dapat sikit kita buat kecil sikit. Kita fokus kepada anak nak jawi [berkhatan], maksud *jawi* [berkhatan]. Lepas tu bila ada *event* [program] macam ini kita kerjasama dengan agensi lain *NGO* [*Non-Governmental Organization*], dengan masyarakat macam tu la kita buat kerja. *So* [jadi] kita jadi penyelaras atau pemantau pada benda-benda tu la. Bukan kita yang betul-betul buat. Yang kita buat ada, yang dalam tempat kita. Macam *event* [program] kalau pelawat datang macam biasa kita bagi taklimat, bawa dia *round* [pusing-pusing] jumpa barang-barang ni kita bagi penerangan setiap benda yang kita tengok tu *you* [awak] tak lalu sahaja. Kita ada *information* [maklumat] sebab kita peroleh sendiri, kita tahu maklumat dia. *So* [jadi] dari itu saya cakap maknanya itu yang antara yang kita buat, yang itu besar sekali. Kita tak pernah buat kita punya kawasan ni satu setengah ekar di bawah pagar, satu setengah ekar lagi daripada pagar sampai ke kubur, lepas tu kita ada satu lagi lot tiga ekar *straight* [lurus] sampai ke kubur, *so* [jadi] *total* [jumlah] kawasan kita enam ekar. Jadi kita buat *TOK* [Temasya Orang Kampung] tu kita guna habis-habis enam ekar, itu max [paling banyak]. Tak pernah buat sebenarnya, selama kita duduk sini tahun *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1977], *that's* [itulah] *first time* [pertama kali] kita buat sebab dana besar datang dan kita ada kerjasama daripada *NGO* [Non-

Governmental Organization] lain. Lepas tu saya juga pengerusi, kita panggil persatuan *PUKB* [Persatuan Usahawan Komuniti Bachok]. Jadi, bila saya pengerusi, saya bekerjasama dengan orang ramai pasal usahawan-usahawan kita. Usahawan kampung ni kan. Bukan kampung ni, kawasan ni yang melibatkan kebanyakan *diorang* [mereka] tu adalah petani-petani yang menghasilkan produk. Dekat sini tu kebanyakan nya ada labu, ada ubi kan. Jadi dia ada produk tu. Ikutlah, dia pelbagai . Apa produk yang dia nak buat daripada produk labu, ubi semua tu, itu adalah usahawan-usahawan kita yang terlibat. Daun kelapa, buat *nisey* [manisan] cair, buat *gapo* [apa] lagi, macam-macam la.

**AN : Mengenai latar belakang Akademik Nik Rashiddin, bagaimana pula Puan?**

**PRO :** *Okay* (baiklah), In Syaa Allah Akademi Nik Rashiddin ni sebab kita bermula sebenarnya dengan *Kandis Resource Center* [KRC], maksudnya bila kita pindah sini, ada perancangan untuk kita nak kongsi ilmu kita - - yang kita warisi daripada tukang-tukang lama kita sebab ada \_ tukang-tukang tu kan, yang melalui benda hak khazanah warisan kita ini, yang daripada bahan-bahan kayu daripada sekecil-kecil saya kata tadi acuan sampai ke sebesar-besar rumah, kepada tukang yang biasa-biasa sampai ke pertukangan senjata. Jadi semua yang itu kita nak kongsi. Jadi ni disarankan oleh Datin \_ \_ \_ satu individu ni yang memang bidang dia pun latar belakang dia seni. Jadi dia faham dan dia pun bersama-sama *arwah* [suami] ni pernah ada duduk dalam satu jurnal akhir

tahun \_ saya rasa nama dia Heritage dia punya tajuk tu kan, diorang [mereka] bersama dan dia jumpa balik dan dia sarankan nak buat exhibition [pameran]. Jadi, daripada tahun *dua ribu* [2000], sebelum *dua ribu* [2000] *tu* [itu], kita dah plan untuk buat *exhibition* [pameran] tahun *dua ribu* [2000]. Jadi kita buat *exhibition* [pameran]. Perancangan untuk buat *exhibition* [pameran] itu bersama-sama dengan *arwah* [suami] dengan *team* [pasukan] dia, *team* [pasukan] untuk *exhibition* [pameran] ni, *ada* [mereka] buat buku, sebab kita nak buat video semua tu *cost* [kos] tinggi, tak mampu kita. Jadi, masa kita buat *exhibition* [pameran] tu, kita start *dua ribu* [2000] di *KL* [Kuala Lumpur], *dua ribu* [2002] dengan *launching* [melancarkan] buku di Asia Civilization Museum Singapore, lepas itu *dua ribu empat* [2004] kita dekat London, dan *dua ribu lima* [2005] kita dekat *Muzium Negara* [Kuala Lumpur], *dua ribu lima* [2005] juga muzium Terengganu, lepastu \_ baru sampai sini. Maknanya *it was a travelling exhibition* [ia adalah pameran mengembara]. Kita bawa benda ni bergerak - - dengan dana yang datang daripada - - kerajaan pusat, individu, dan korporat. *Diorang* [mereka] menyumbang untuk dana kita buat *travelling exhibition* [pameran mengembara] ni. Jadi masa tu kita *Kandis Resource Center* kita panggil, *KRC*. *Okay* (baiklah), tujuan dia untuk dua itu *je* [sahaja]. *Exhibition* [pameran], buku. \_ Kita sempat sampai London balik semua muzium negara, jadi program mula-mula kecil tapi lepas tu balik ke Malaysia Muzium Negara tu besar, besar punya *exhibition* [pameran] macam-macam tempat selain daripada *exhibit* [pameran]. Selain pameran, ada *workshop* [bengkel], ada seminar, semua. *Okay* (baiklah), lepas kita beberapa tahun, kita habis maknanya

*dua ribu* [2000] sampai *dua ribu lima* [2005], tapi bila *dua ribu lima* [2005] ke atas, kita dah duduk sini, masa tu bangunan ni tak ada semua ni. Maknanya longgok semua dalam satu tempat kan. Kita rasa, kita tak nak dah buat *exhibition* [pameran], sebab kita meletihkan, lima tahun yang sangat meletihkan sebab *travelling* [mengembara]. So [jadi] kita kata, kita nak buat *permanent* [kekal] dekat sini. Jadi macam mana cara kita nak buat, jadi kita pun minta dana sebab rekod kita, kita ada rekod tu kan, kerajaan negeri, kerajaan pusat bagi. Kerajaan negeri pun datang tengok dah apa benda kita dah angkat nama Malaysia ke dunia kan, level [tahap] dunia. So [jadi], *diorang* [mereka] bagi dana. Masa tu dana tak susah macam sekarang. Okay (baiklah) dia bagi dana, untuk saya kata untuk buat bangunan ni. Bangunan ni saya nak, saya kata saya ada galeri, saya ada *office* [pejabat], saya ada *library* [pustaka], saya ada dewan kat bawah *tu* [itu], saya ada *storage space* [ruang simpanan] kan, maksudnya ada tu. Tapi saya nak ke sana pun *maintenance* [penyelenggaraan] untuk sana semua, untuk rumah tu. Okay (baiklah), so [jadi] kita dapat. Kita tak nak dah buat *exhibition* [pameran], kita nak orang datang ke tempat kita. *Tu* [itu] sebab kena ada galeri. Orang datang ke tempat kita lagi, siapa-siapa, *student* [pelajar] ke tak *student* [pelajar] ke datang. Jadi, *dua ribu sebelas* [2011] *end of* [tamat daripada] *dua ribu sepuluh* [2010] kita *start* [mula], bila fikir-fikir *dua ribu sebelas* [2011] kita rombak balik kita punya, kita punya - - objektif dengan tujuan tu semua Kandi Resource Center (KRC) tadi tu menjadi Akademi Nik Rashiddin. *Dua ribu sebelas* [2011] saya harap kita kira betul-betul *start* [mulanya] - - - untuk sebenarnya kita nak tujuan *disseminate the knowledge*

[menyebarkan ilmu], yang tradisional ni kepada ramai. Kita nak *preserve* [menyediakan] the *knowledge* [pengetahuan], ilmu-ilmu tu kita nak mengekalkan. Lepas tu kita nak angkat aktiviti yang berkaitan tu di persada antarabangsa. Itu kita punya *main objective* [objektif utama] kita kata hasrat, niat dan sebagainya. *Arwah* [suami] dia memang nak *share* [kongsi] *knowledge* [pengetahuan] tu sebab dia kata dia tak mampu nak pergi kuliah-kuliah ke apa dia tak suka bukan kaedah dia. *So* [jadi] itu *start* [mula] sejak *dua ribu sebelas* [2011] sampai sekarang. *So* [jadi] maknanya kita ni daripada *dua ribu* [2000] sampai *dua ribu dua puluh tiga* [2023], dah dua puluh tiga tahun kalau kita kira, belum kira yang sebelum-sebelum kan. Tapi, sebab sebelum-sebelum tu sebenarnya *arwah* [suami] ni dekat *Kota Bharu* [Kelantan], memang dia selalu jadi kunjungan kumpulan-kumpulan pelajar ni macam-macam jenis dengan kumpulan-kumpulan yang bukan pelajar pun macam tu juga. Tapi itu masa sebelum kahwin. Bila dah kahwin, kita duduk dekat *Kota Bharu* [Kelantan] macam tu juga sama, lepas tu baru kita pindah sini *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997] tu. Lepas tu, *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997] sampai *dua ribu* [2000] tu [itu], sebelum *dua ribu* [2000] tu [itu] kita *prepare-prepare* [sedia]. Tahun *dua ribu* [2000] kita luang cari *exhibition* [pameran] itu dekat *KL* [Kuala Lumpur], lepas itu bawa gerak-gerak tadi tu. *Dua ribu* [2005] habis, yang dekat-dekat Muzium Negara , Muzium Negeri Terengganu. *Dua ribu sebelas* [2011] kita panggil *Akademi Nik Rashiddin* [ANR]. Tujuan kita , kita nak itu tadi tu. Mengekalkan, berkongsi ilmu tu, dan membuat aktiviti berkaitan - - mengangkat budaya kita di martabat antarabangsa - - secara

keseluruhan, umum dia macam tu. Jadi, siapa-siapa yang terlibat, kalau dulu tu, kita kata - - penglibatan kita tu sangat *team* [pasukan] sajalah, *team exhibition* [pameran pasukan], *team* [pasukan] buku kan, itu saja. Tapi sekarang ni bila keterlibatan kita komuniti sekali terlibat tu yang kita boleh buat *TOK* [Temasya Orang Kampung] punya program, universiti program. *So* [jadi] kita kata macam tu bermulanya.

**AN : Berapa lama puan berkhidmat sebagai pengarah di sini [Akademi Nik Rashiddin] dan apa peranan puan?**

**PRO :** Pengarah tu asal-asal kalau kita *set up* [sediakan] tahun *dua ribu* [2000] saya bukan pengarah. Bila *arwah* [suami] dah tak ada, siapa nak ganti pengarah ni ada dua, satu pengarah dia *arwah* ni Nik Rashiddin, satu ni anak murid dia Nur Haizanuddin. Dia ada - *set up* [sediakan] dia sendiri dekat kampung raja. *So* [jadi] ni \_\_\_ dia punya. Dia ada bengkel dia ada hal-hal dia. Tapi dia bersama dengan tok guru dia, *arwah* Nik Rashiddin tok guru dia. Kita tubuhkan ekonomi *Kandis Resource Center* [KRC] masa tu. Tapi bila *arwah* tak ada tahun *dua ribu dua* [2002], saya ambil alih, *diorang* [mereka] letak nama saya untuk ambil alih.

**AN : Tadi puan ada sebut bilangan pekerja berapa? Tiga?**

**PRO :** Bila kita dah buat akademi, satu *is* [ialah] - - kita nak menjaga benda ni semua ni perlu dana kan, *maintenance* [penyelenggaraan] kan perlu dana setiap tahun. Jadi, kita buat ni bukan atas kerajaan. *Okay* (baiklah), kerajaan tak *support*

[sokong] untuk *maintenance* [penyelenggaraan], mungkin dia support [penyelenggaraan] okay, bila bangunan tad ikan mula-mula buat bangunan okay. Tapi *maintenance* [penyelenggaraan] kita sendiri, sebab *this is a private museum and gallery* [ini ialah muzium dan galeri persendirian] dia bukan muzium awam tu kan memang ada dana tiap-tiap tahun bacaan. Jadi, kita ada sumbangan daripada individu yang *fund in money* [dana dalam bentuk wang] bagi dana dekat kita untuk *maintain* [kekalkan] benda-benda ni, tu individu. Lepas tu - - kita *work on the very minima basis* [asas yang sangat minima], paling-paling lekeh kalau kita boleh beli *recycle* [kitar semula], beli *secondhand* [terpakai]. Kalau benda terpaksa beli baru macam benda elektronik kan, kena beli baru tu beli baru. *Otherwise* [sebaliknya], kita sangat minimal kita punya *overhead* [atas kepala] bulan-bulan dan pekerja. Jadi, dengan minimum bajet tu, maknanya kita minimum pekerja kita. Jadi, maknanya yang ada kita, adalah pembantu saya dekat pejabat, hal-hal yang lebih pengurusan, lepastu yang menguruskan hal-hal bangunan ni , bersih-bersih bangunan, *maintain-maintain* [mengekalkan] bangunan apa-apa yang patut yang menguruskan laman saya. Yang itu *je* [sahaja] yang kita bergerak. Jadi, kadang-kadang *on-off* pun - - (bunyi notifikasi telefon) dan staf kita semua bukan *full time* [sepenuh masa], *part time* [separuh masa] semua. Kita tak mampu bayar *full time* [sepenuh masa]. Tapi bila kita ada projek, projek tu dia ada dana kan jadi kita akan libatkan *team-team* [pasukan-pasukan] lain. Datang lawatan, saya yang akan bagi penerangan.



**AN : Boleh puan gambarkan secara ringkas ukiran-ukiran yang terdapat dekat galeri ini?**

